




● BIL 256 ● 29 MAC - 4 APRIL 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



PADU memang padu >>> 3

Ramadan dan Mak
Jah Pekan Rabu

>> 8

12 penunggang motosikal
maut setiap hari

>> 9-11

Legenda songkok
Kampung Nakhoda

>> 12-13

Pencapaian 100 hari tadbir Wilayah Persekutuan

10 perkara utama dalam radar Zaliha

AZLAN ZAMBRY

Melepasi tempoh 100 hari, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa tampil dengan fokus untuk menyelesaikan 10 perkara utama yang merangkumi pelbagai isu. Ia merupakan panduan kepada beliau untuk mengurus dan menyelesaikan masalah yang disenaraikan itu secara tuntas sekali gus memastikan kehidupan warga Wilayah Persekutuan di bela sebaik-baiknya.

Titik perubahan yang mahu dilaksanakan Zaliha bukan sahaja memastikan masalah perbandaran diurus dengan baik, malah menerusi perencananan jitu, Wilayah Persekutuan bakal menjadi juara kelestarian alam sekitar membangunkan sumber demi kepelbagaian ekonomi yang akan memberi manfaat kepada warganya.

Langkah yang diambil pentadbiran Zaliha jelas memberi tumpuan ke arah kemampunan sesebuah bandar raya dengan Pengenalan Bandar CHASE iaitu *Clean City, Healthy City, Advance City Safe City dan Eco-Friendly City* dengan memperincikan enam tonggak utama iaitu dengan menstruktur semula ekonomi, mewujudkan bandar pintar yang berdaya huni, menyeimbangkan sosio ekonomi warga, memelihara dan memulihara alam sekitar, membudayakan digitalisasi dan melestarikan pelancongan yang selari dengan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) 2030 seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selepas Kuala Lumpur, Pelan Hala Tuju Bandar Rendah Karbon Putrajaya dijadikan panduan pelaksanaan dasar itu menjelang tahun 2030 yang dijadikan model sebagai bandar rendah karbon



ZALIHA (tengah) berusaha merapatkan jurang dan melebarkan peluang antara jabatan dengan warga Wilayah Persekutuan.

dan menjadi penggerak dan juga menyediakan panduan kepada pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran iklim masa depan.

Beliau telah memperkenalkan dasar baharu yang lebih inklusif terhadap masyarakat iaitu 1 Kebun 1 Komuniti dan *Waste to Wealth* yang dapat memanfaatkan kawasan lapang dan boleh memberikan pulangan dalam bentuk pendapatan sampingan kepada komuniti.

Dalam mengembalikan taman-taman rekreasi kepada matlamat asal, pentadbiran beliau akan menstrukturkan semula penempatan peniaga di kawasan tumpuan awam supaya ia tidak mengganggu keselamatan dan menjamin keselesaan pengunjung dan penduduk setempat. Langkah tersebut bertujuan mengembalikan matlamat asal taman-taman

rekreasi ini sebagai pusat riadah keluarga.

Zaliha juga melakarkan hala tuju jelas dalam usaha untuk menyelesaikan masalah rakyat menerusi penubuhan Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang mempunyai enam komponen iaitu Ilmu@PUJI, Upaya@PUJI, Ihsan@PUJI, Lindung@PUJI, Infra@PUJI dan Sihat@PUJI. Ia merupakan inisiatif untuk menstruktur semula serta menyelaras bantuan kerajaan dan program-program di Wilayah Persekutuan menerusi pendekatan *Whole of Nation* dengan kerjasama lebih 30 rakan strategik.

Responsif terhadap aduan rakyat yang bimbang dengan kebanjiran warga asing di ibu kota, pentadbiran beliau akan memberikan fokus dalam menangani isu berkenaan menerusi tindakan menstruktur semula

kawasan lambakan warga asing dan mengadakan operasi bersepadu dengan lebih kerap serta mengemaskini dasar dan peraturan yang telah lama.

Isu peniaga dan penjaja tanpa lesen turut di dalam radar Ahli Parlimen Sekijang itu bagi meningkatkan imej Kuala Lumpur sebagai ibu kota berprestij dunia, langkah melaksanakan penguatkuasaan dan tindakan yang lebih tegas ke akar umbi dalam menangani isu berkenaan. Selain itu, penempatan semula peniaga-peniaga juga akan dibuat melalui inisiatif Lestari Niaga.

Isu legasi yang telah terpendam berpuluh tahun lamanya akan diselesaikan dengan mencari punca dengan mengunjurkan penyelesaian tuntas seperti Kampung Setia Jaya menerusi kaedah menang-menang diantara


pemaju dan penduduk.

Dalam menangani isu gelandangan, tindakan secara bersepadu dengan pelbagai agensi serta akan diambil serta akan menyelaraskan bantuan makanan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Selain itu, pihaknya akan mengumpulkan data dan membuat *profiling* agar penyelesaian terhadap isu tersebut dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Usaha merapatkan jurang dan melebarkan peluang antara jabatan dengan rakyat turut menjadi fokus Zaliha menerusi program sesi Temu Rapat Dr Zaliha dan mengaktifkan semula Majlis Menteri Wilayah yang merupakan platform Ahli Parlimen Kuala Lumpur menyatakan pandangan dalam proses pembangunan bandar raya.

Meskipun terpisah dengan Laut Cina Selatan, Labuan tidak akan dipinggirkan malahan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bakal meningkatkan peranan Labuan sebagai hab ekonomi, pelancongan dan pendidikan.

Isu bekalan air dan elektrik sedang ditangani kerajaan menerusi beberapa projek berkaitan menerusi Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES). Untuk merencanakan lagi ekonomi Labuan, sebanyak 113 program kementerian dan agensi dilaksanakan di Labuan yang bakal menonjolkan lagi Permata Borneo itu.

Sebanyak tiga *Task Force* ditubuhkan iaitu *Task Force Pelancongan, Task Force Jambatan Labuan dan Task Force Pemindahan Penghantaran* yang merupakan komitmen untuk mengangkat Labuan ke persada. Pengekalan pengecualian Dasar Cukai Kabotaj pula membolehkan aktiviti ekonomi berkembang sekali gus merencanakan lagi Pelabuhan Labuan. 

Keazaman politik realisasi aspirasi tiga wilayah

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mempunyai keazaman politik dalam menyusun pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM) **Dr Mohammad Tawfik Yaakub** berkata perkara itu dapat dinilai menerusi 10 perkara utama yang telah digariskan Zaliha sepanjang 100 hari mengemudi portfolio baharu.

“Saya amat teruja dengan usaha dan pencapaian 100 hari Zaliha khususnya dalam fokus 10 perkara utama. Bagi saya 10 perkara utama ini merupakan inisiatif bandar lestari dan pembangunan mampan ditunggu-tunggu oleh

warga kota,” katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Jelas Tawfik, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebenarnya bukan saja perlu berperanan sebagai ibu negara yang menjadi tumpuan rakyat untuk mencari pekerjaan semata mata, bahkan menerusi 10 perkara utama ia akan memansuawikan kota raya supaya menjadi bandar yang selesa dihuni, berteknologi pintar dan menoktahkan kemiskinan bandar.

“Beliau tidak melengahkan masa malah telah mewujudkan fokus dan mencapai cemerlang dalam menangani 10 perkara utama berkenaan.

“Malah saya yakin Wilayah Persekutuan sedang menikmati nafas baharu perubahan bagi mengembalikan roh kota raya yang lestari dan mampan sesuai dengan situasi semasa,” katanya.



TAWFIK

Menurut Tawfik, kerajaan sebelum ini dilihat lebih fokus kepada Kuala Lumpur dan Putrajaya di dalam konteks pembangunan dan seolah-olah meminggirkan Labuan kerana tidak menonjol.

“Menerusi penubuhan tiga buah *Task Force* ia menunjukkan usaha kerajaan di dalam tempoh ini adalah untuk menonjolkan Labuan yang bukan sekadar setaraf tetapi sekurang-kurangnya

orang tidak lupa wujudnya Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan.


“Penubuhan *Task Force* Jambatan Labuan ini juga memperlihatkan usaha bersungguh-sungguh sekali gus menepis dakwaan ia sekadar janji politik daripada pentadbiran kerajaan, sebaliknya Zaliha menonjolkan keazaman politik dan beliau berjaya menterjemahkan keinginan rakyat menerusi jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Sabah,” katanya.

Berhubung dengan kedudukan warga asing di ibu kota, Tawfik berkata Zaliha wajar menggunakan kaedah Singapura yang menghadkan pergerakan warga asing dan mereka tidak bebas bergerak demi menjaga imej

negara tersebut.

“Apabila kita lihat Kuala Lumpur di gelar sebagai Mini Dhaka ia telah memberikan gambaran dan konotasi yang negatif kepada negara secara keseluruhannya.

“Jadi bagi saya dengan adanya satu tindakan yang pragmatik dan realistik, yang boleh dilaksanakan dengan kerjasama agensi lain, dan tidak mustahil kesan positif ini akan dapat dilihat sedikit masa lagi.”

“Ia juga akan dapat mengembalikan imej dan keceriaan Kuala Lumpur namun pada masa sama menghindari dan melupakan kekusaran warga tempatan terhadap peluang perniagaan yang sebelum ini dikuasai warga asing,” katanya. 

Ada golongan tidak melihat rasional kemas kini PADU

Keselamatan data bukan isu utama

AZLAN ZAMBRY

KESELAMATAN peribadi bukanlah isu utama sebaliknya penerangan bersepadu harus dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keyakinan rakyat untuk mendaftar dalam Pangkalan Daftar Utama (PADU).

Pengarah Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi (CMIWS) Universiti Teknologi MARA, Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar berkata segala data peribadi rakyat dilindungi oleh akta berkaitan dan isu kepercayaan keselamatan data boleh diselesaikan melalui penerangan khas.

“Pada pandangan saya masa yang diberikan amat singkat bagi orang ramai menghadam kepentingan PADU terutama yang menyentuh aspek ekonomi masyarakat.

“Penerimaan dalam kalangan orang ramai juga tidak menyeluruh kerana ia mungkin dilihat sebagai mekanisme politik. Oleh itu sasaran menyeluruh tidak berlaku apabila PADU belum mampu diterima penuh oleh masyarakat,” katanya pada Selasa.

Menjelaz lanjut, Suhaimee berkata dakwaan yang mengatakan bahawa hanya golongan B40 yang lebih memerlukan juga agak menyimpang memandangkan PADU merupakan program nasional.

“Tanggapan tersebut tidak betul kerana program ini dilaksanakan bagi membangunkan satu pangkalan data khusus yang bertujuan untuk memudahkan kerajaan memaksimumkan bantuan dan sebagainya,” katanya.

Menurut Suhaimee, jumlah pendaftaran yang agak perlahan berbanding masa yang diperuntukkan selama tiga bulan ini berkemungkinan disebabkan orang ramai masih sangsi dengan program berkenaan.

“Pada saya, kita tidak boleh salahkan kepada mereka kerana golongan tersebut tidak melihat rasional di sebalik program ini diperlukan dalam kehidupan mereka.

“Antara faktor lain adalah pada awal pelancaran PADU ini disebutkan ia untuk memudahkan kerajaan menyalurkan subsidi untuk golongan sasar,” katanya.



SUHAIMEE



RAKYAT kini mulai sedar kepentingan pendaftaran PADU.

Suhaimee berkata pengumuman PADU mesti meliputi semua lapisan masyarakat tidak kira daripada mana-mana tahap pendapatan dan status sosial yang dimiliki mereka.

“Bagi saya *root of issues* adalah pemahaman umum melihat ini hanya mekanisme untuk pemberian subsidi bersasar kepada sasaran sahaja dan menerusi data 30 peratus yang mendaftar itu berkemungkinan penjawat awam yang menerima

pekeliling atau golongan sasaran B40,” katanya.

Kata Suhaimee baki 70 peratus yang belum mengemas kini PADU merupakan golongan yang mempersoalkan apakah kepentingan yang mereka dapat apabila terpaksa mengisi dan mengisytiharkan pendapatan mereka.

“Sebelum ini mereka telahpun melakukan perkara sama menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan disebabkan

ini, mereka merasakan tidak ada keperluan.

“Selain itu menerusi data terbuka menyebabkan ia dijadikan alasan untuk tidak berbuat demikian,” katanya.

Ditanya mengenai Sarawak dan Sabah yang turut mempersoalkan PADU, Suhaimee berkata dalam konteks ini, ia meliputi pangkalan data kerajaan negeri yang mungkin memerlukan pengemaskinian data dan pembaharuan dalam sistem pangkalan data.

“Kemungkinan ini boleh berlaku bagi mewujudkan pelarasan pangkalan data bersepadu di antara negeri dan persekutuan yang sekali gus dapat memudahkan kedua-dua pihak,” katanya.

Dalam pada itu, Suhaimee tidak menolak kemungkinan elemen hasutan dan sebaran maklumat palsu menerusi media sosial telah memburukkan lagi keadaan.

“Saya jangkakan apabila rakyat kini mulai sedar kepentingan PADU, maka akan timbul kesedaran saat akhir untuk mengisi maklumat dalam PADU.

“Ini sebahagian budaya dalam masyarakat kita yang selalu menunggu saat-saat akhir untuk sesuatu peristiwa,” katanya. 📌

Rakyat tidak perlu risau maklumat dijamin selamat

SYED HAZIQUE

ORANG ramai tidak perlu risau mengenai privasi kebocoran data sistem Pangkalan Data Utama (PADU) kerana ia dilengkapi dengan komponen keselamatan diiktiraf antarabangsa.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata data yang terdapat dalam PADU adalah sulit atau *encrypted*.

“Walaupun (jika) ada yang berjaya memecah masuk dan memuat turun fail seperti yang selalu disebut-sebut, fail tersebut perlu dinyahsulit (*decrypt*). Boleh berlaku jika penggodam tersebut mempunyai komputer super yang mampu ekstrak data tersebut, namun itu adalah mengangut.

“Saya tidak pernah maklum mengenai perkara ini kerana ingin melindungi keselamatan sistem. Bagaimanapun, sekiranya ditanya sama ada data sudah *encrypted* atau tidak, itu sudah kita lakukan,” katanya di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Rafizi berkata demikian

sewaktu menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) yang ingin tahu apakah mekanisme

untuk meningkatkan dan mempercepatkan pendaftaran rakyat Malaysia terhadap PADU.

Rafizi turut mendedahkan lebih dua juta cubaan sehari dibuat bagi menembusi ciri keselamatan PADU.

Jelas beliau, kerajaan juga sentiasa bersedia mengendalikan insiden keselamatan melalui Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Komputer yang akan melaksanakan penyiasatan punca insiden selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022.

Menurut Rafizi, penilaian tahap integriti pegawai juga akan diambil kira melalui proses tapisan keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Pasukan pembangunan sistem PADU yang diketuai oleh Jabatan Digital Negara sentiasa



RAFIZI



CHOOK FOOK



DATA yang terdapat dalam PADU adalah sulit.

bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi yang menguruskan keselamatan siber dan privasi data negara seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) serta Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

Sementara itu, Pakar Keselamatan Siber, **Fong Chook Fook** berkata orang ramai bimbang untuk mengisi PADU kerana

difahami takut terjadinya ketirisan atau kebocoran data.

“Zaman teknologi masa kini, memang sangat memudahkan tetapi dalam pada masa sama ia juga adalah sesuatu yang mengerikan.

“Walau bagaimanapun, PADU merupakan satu sistem pangkalan data yang memudahkan bagi kerajaan dan orang ramai untuk menerima bantuan,” katanya.

Jelasnya lagi, walau runding dengan masalah ketirisan data dia percaya kerajaan

membangunkan sistem tersebut bersama tenaga-tenaga pakar yang berkaliber.

“Umum sedia maklum, pelbagai agensi yang terlibat dalam membangunkan sistem PADU ini.

“Setakat hari ini, juga Menteri Ekonomi menyatakan data yang terdapat juga adalah sulit atau *encrypted*,” ujar beliau. Beliau berkata, orang ramai perlu memberi masa untuk sistem PADU berfungsi dan jangan terlalu awal untuk menghukum.

Tambahnya, dia turut mengangap sistem itu sedikit kompleks namun bukanlah satu alasan untuk tidak mendaftar.

“Walau ia dilihat sedikit kompleks namun, ia bukanlah satu masalah besar, atau satu alasan untuk tidak berdaftar.

“Kita perlu daftar juga, jangan ambil sikap sambil lewa, bahkan kerajaan juga mempunyai kaunter yang dibuka kepada orang ramai.

“Malahan, di laman web PADU sendiri tertera garis panduan untuk mendaftar, kita beri peluang dan masa kepada sistem ini,” kata beliau.

Tambahnya, ia juga adalah satu inisiatif kerajaan dalam menambah baik sistem yang ada dalam bergerak ke arah dunia digital. 📌

Dakwa kerajaan hanya tahu merancang

Pertumbuhan ekonomi fokus utama

KERAJAAN giat melakukan pelbagai perancangan jangka panjang dan pendek dalam memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada kedudukan baik sekali gus menjadi negara berpendapatan tinggi.

Sejak dari awal memegang tampuk kepimpinan negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menetapkan misi untuk memajukan ekonomi di mana industri digalakkan untuk menghasilkan produk yang canggih dan dapat bersaing di pasaran dunia.

Malah, pelbagai data positif sudah membuktikannya pada suku pertama tahun ini yang jelas menunjukkan asas serta prospek ekonomi telah pun berada pada landasan yang tepat antaranya peningkatan jumlah eksport sebanyak 13.3 peratus.

Penumpuan bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi negara bahkan negeri-negeri juga turut diberi perhatian khusus termasuklah negeri yang tidak mengalami pertumbuhan baik.

Biarpun begitu, andaian tidak munasabah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab tetap dimainkan bagi menampakkan kegagalan usaha yang telah dilakukan kerajaan.

Satu demi satu tuduhan tidak berasas mendakwa Anwar tidak mempunyai perancangan yang kukuh dalam memajukan ekonomi negara sekadar hanya bercakap tanpa disusuli tindakan.

Memetik kenyataan yang



PENUMPUAN bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi negara bahkan negeri-negeri turut diberi perhatian.

disiarkan dalam Facebook rasmi PM, pelbagai perancangan telah diusahakan Kerajaan Perpaduan termasuklah pembangunan di negeri-negeri.

"Pertumbuhan ekonomi, baik di peringkat negeri dan negara secara keseluruhannya, boleh melonjakkan status sesebuah negeri jika perancangan dibuat sebaik-baiknya.

"Itu saya bangkitkan ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa MADANI di Kolej Polytech MARA seraya diapit Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani

Mohamad; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Seri Asyraf Wajdi Dusuki.

"Dalam ucapan, saya maklumkan terdapat beberapa projek mega di Perak yang mampu mengangkat negeri tersebut sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Antara projek tersebut ialah Automotive High Tech Valley (AHTV) Tanjung Malim, Lumut Maritime Industrial City (Lumic) dan Kerian Intergrated Green

Industrial Park, yang bakal memacu ekonomi negara muncul hebat di rantau Asia tidak lama lagi," tulisnya.

Selain itu, beliau dalam hantaran tersebut juga menyatakan para pelabur dari luar negara meyakini pelaburan di Malaysia.

"Pelbagai pelaburan luar ke Malaysia juga membuktikan suara lantang kerajaan dalam isu kemanusiaan tidak menghalang pelabur daripada terus menabur kepercayaan terhadap ekonomi Malaysia," tambah beliau. 📌

Anwar tegas banteras amalan rasuah

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tegas mengemudi negara dalam memastikan martabat Malaysia diangkat tinggi dengan memerangi jenayah rasuah mahupun salah guna kuasa.

Buktinya pada tahun lalu, selepas 365 hari pentadbiran beliau, tiada menteri di bawah Kerajaan Perpaduan terlibat dengan amalan rasuah. Malah beliau tekad akan terus membantersanya.

Namun, apa yang dilakukan PM mendatangkan ketidakpuasan hati kepada segelintir pihak dan menganggap Anwar bersekongkol dengan perasuah.

Apabila pemimpin mahu menjalankan tanggungjawab dengan adil, mengikut proses tatakelola, bagi amaran keras, ikut tender serta tidak boleh menggunakan kuasa untuk kayangan keluarga, ramai pula yang panas hati.

Sepatutnya langkah yang baik perlulah disokong supaya negara bebas daripada perkara yang boleh membawa pelbagai kesan negatif sekali gus merosakkan etika dalam masyarakat.



ANWAR hadir pada Majlis Sambutan Peringatan Hari Polis ke-217 Tahun 2024 di PULAPOL, Kuala Lumpur.

Individu yang membuat kerosakan perlu dijatuhi hukuman setimpal supaya ia menjadi pengajaran kepada mereka yang lain agar tidak sewenang-wenangnya mengaut keuntungan untuk kepentingan diri sendiri.

Baru-baru ini, Anwar

menyeru agar anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya memerangi jenayah rasuah dengan bersungguh-sungguh. Ini kerana budaya tersebut lebih susah ditangkis jika ia sudah berada dalam sistem.

"Namun ia memerlukan disiplin dan integriti yang

kukuh dalam kalangan anggota polis untuk menanganinya. Jadi, rasuah itu harus diperangi secara bersungguh-sungguh.

"Saya merayu kepada rakan-rakan, selain Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pasukan PDRM harus terus depanti masalah ini dengan tegas dan berani, untuk menyelamatkan bangsa dan negara.

"Selain tidak mensia-siakan pengorbanan ibu bapa, termasuk anggota polis yang telah terkorban sebelum ini," ujar beliau.

Anwar berkata demikian pada Majlis Sambutan Peringatan Hari Polis ke-217 Tahun 2024 di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur.

Beliau menegaskan, pendakwaan jenayah harus dilakukan tanpa mengira sama ada tertuduh berpangkat besar atau tidak.

Justeru, kekuatan anggota polis perlu digerakkan dalam menumpaskan apa juga jenayah atau kesalahan yang melanggar undang-undang negara.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

30-31/3/24: Malam 7 Likur x Iftar@KL @ Dataran Merdeka

6/3 - 6/4/24: KL Tower Photos and Videos Contest 2024 @ Menara Kuala Lumpur

12/3 - 7/4/24: Jualan Rahmah Bergerak @ Kuala Lumpur

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

8/3 - 9/4/24: Festival Ramadan Putrajaya @ Dataran Putrajaya

1/4/24: Du'at Al-Falah MADANI @ FRP2024

27/7/24: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

23 - 28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

26 - 28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Abbas tekad atasi masalah lalu lintas

Apakah cabaran yang dihadapi YB sepanjang berkhidmat di DUN Seri Serdang?

Saya di kawasan DUN Seri Serdang bukanlah asing, sebab pernah menjadi ahli majlis di sini beberapa tahun yang lepas.

Cabaran itu semestinya ada tetapi cuma bagaimana kita menguruskan segala permasalahan atau cabaran yang mendatang itu, yang mampu membina jati diri.

Banyak isu-isu kerakyatan seperti kepadatan penduduk, masalah kesesakan trafik, ini adalah cabaran atau isu yang tiada penghujungnya yang perlu saya beri penekanan di samping mencari jalan penyelesaian yang terbaik buat semua pihak.

Pada Pilihan Raya Umum yang lepas terdapat kira-kira 93,000 ribu pengundi, manakala seramai kira-kira 240,000 penduduk Seri Serdang, kalau dilihat memang ramai, bagaimana saya hendak bertemu sorang-sorang, justeru itu, saya amat bersyukur memiliki pasukan yang mampu memberi kerjasama terbaik dalam membantu penduduk.

Ia bukan satu perkara yang senang namun, masalah komunikasi ini bukanlah satu halangan utama sepanjang saya berkhidmat di sini.

Apakah fokus YB dalam membantu pembangunan Seri Serdang?

Jika ikutkan hati dan perancangan saya, ia memang banyak tetapi saya mahu Seri Serdang untuk menjadi antara kawasan yang maju, bersih, penduduk yang bersatu padu serta berdisiplin tinggi.

Di Seri Serdang semua golongan rakyat terdapat di sini tidak kira, T20, M40 serta B40. Kita ada kawasan pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM), kawasan kampung, kawasan taman perumahan, malah lebu raya yang menghubungkan ke ibu kota.

Dari segi infrastruktur, sudah tentu kita mahu pembangunan yang mampan, namun, fokus utama ialah bagi mengatasi kesesakan jalan raya, selain daripada sudut pendidikan buat anak-anak kecil, kebajikan untuk warga emas, serta keselamatan buat semua penduduk.

Berapa banyak peruntukan dalam membangunkan kawasan-kawasan di sini?

Kerajaan Negeri Selangor khususnya memberi peruntukan untuk bajet-bajet tertentu juga peruntukkan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Contohnya melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS) kita dapat peruntukan untuk kerja-kerja tebatan banjir yang akan bermula pertengahan tahun ini bernilai hampir RM15 juta.

Begitu juga ada projek bagi

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang, **ABBAS SALIMMI CHE ADZMI @ AZMI** daripada Parti Amanah Negara mahu membawa Seri Serdang ke arah sebuah bandar yang maju.

Masalah kesesakan trafik, bantuan buat warga emas serta pelbagai lagi adalah antara nadi penggerak Abbas untuk memberikan perkhidmatan terbaik buat warga Seri Serdang.

Wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE SYED NOR** berpeluang mendengar segala pengalaman beliau sepanjang perkhidmatannya di kawasan tersebut.



membesarkan serta mendalamkan sungai kira-kira RM300 juta oleh kerajaan.

Jabatan Kerja raya (JKR) juga turut membantu memberi peruntukan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang menelan belanja kira-kira RM300 juta. Ada juga projek bagi pembinaan masjid baru, dengan bajet lebih kurang RM17 juta.

Itu merupakan antara peruntukan yang besar untuk penduduk di Seri Serdang, dan pembangunan infrastruktur, ini semua mampu memberi manfaat dan kebaikan buat penduduk dalam menjalani hidup yang lebih baik.

YB ada memberitahu tentang masalah kesesakan lalu lintas, apakah perancangan yang telah dilakukan dalam mengatasinya seiring kepadatan penduduk?

Ia memang satu masalah yang sangat besar kepada semua warga Seri Serdang. Kita perlukan perancangan rapi dalam mengatasi masalah ini. Tambahan lagi kepadatan penduduk juga membuatkan lebih ramai yang memiliki kenderaan sendiri, ini juga menyumbang kepada masalah kesesakan lalu lintas.

Kita juga menjalin kerjasama dengan pihak syarikat lebu raya bagi memudahkan atau mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya di Lebuhraya Damansara Puchong. Sebut sahaja kawasan di Puchong pasti ramai yang tidak sanggup untuk menempuh kesesakan lalu lintas di sini.

Disebabkan itu, kita ada perancangan jangka pendek dengan selaraskan balik simpang

dari empat ke tiga fasa. ia hanya dalam tempoh percubaan sahaja bukan selama-lamanya.

Kita sudah ada perancangan untuk membina jejantas bagi membantu aliran trafik yang lebih lancar di masa hadapan.

Ia bukan satu perkara yang mudah namun, saya amat memandang serius tentang permasalahan ini kerana ia mengganggu kelangsungan hidup penduduk di Seri Serdang yang boleh membawa kepada masalah kesihatan yang serius.

Kerajaan semakin serius dalam menghapuskan atau mengurangkan golongan miskin tegar, apakah yang YB laksanakan dalam membantu kerajaan berhubung isu tersebut?

Umum sedia maklum, pelbagai bantuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri dalam memerangi isu ini. Walaubagaimanapun kita perlu faham, itu hanya bantuan, bukan saraan untuk seumur hidup, bantuan bermaksud bagi meringankan beban.

Di Seri Serdang terdapat kira-kira 20 peratus daripada 93,000 orang memiliki pendapatan yang rendah. Justeru itu, saya bersama pasukan dan agensi-agensi kerajaan cari dan membantu mereka untuk memiliki kehidupan yang lebih selesa.

Antara bantuan yang paling popular ialah Jualan Ehsan Rahmah, berani saya katakan, jika terdapat 500 ekor ayam dijual, kesemua pasti laris. Justeru itu, pendapat saya, kos sara hidup ini amat membelenggu semua orang.

Selain itu, terdapat juga program Iltizam Selangor di

mana saya menolong mendaftar penduduk untuk menyertai 47 ke 48 program yang terdapat di dalamnya.

Antaranya ialah baucar Selangor Mesra Usia Emas di mana mereka layak untuk mendapat baucar bernilai RM150 yang akan diberikan semasa hari lahir. Saya difahamkan sebanyak 5,000 orang telah berdaftar untuk program tersebut.

Selain itu, pemberian air percuma sebanyak RM11.40, malah golongan korporat juga membantu memberi bantuan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang kekurangan barangan keperluan.

Saya juga percaya bantuan-bantuan ini sedikit sebanyak mampu mengubah kehidupan mereka, selebihnya adalah usaha yang perlu mereka tunjukkan untuk mengubah nasib keluar dari kepompong kemiskinan.

Malaysia berdepan dengan negara yang semakin menua, apakah inisiatif yang diambil YB dalam membantu warga emas di Seri Serdang?

Jangan terkejut jika saya katakan, warga emas adalah yang paling ramai terdapat di Seri Serdang. Seperti yang saya sudah jelaskan sebentar tadi, kita perluaskan lagi bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor khusus buat golongan ini.

Malah ada juga yang datang kepada saya meminta untuk memohon menyediakan satu tempat di mana mereka boleh melakukan aktiviti untuk mengeluarkan peluh.

Saya akan membayar atau menyewa satu dewan bagi mereka

untuk beriadah dan kadang kala saya juga akan turut serta bersama.

Daripada segi kemahiran di sini tidak banyak yang dibantu kerana kebanyakan mereka telah bersara, yang hanya mahu meluangkan masa bersama keluarga.

Bagaimana pula YB menyantuni penduduk Seri Serdang?

Secara jujurinya, jika kita hendak menyantuni setiap rumah memang agak sukar walaubagaimanapun konsep yang dipakai sama sahaja, saya bersama pasukan serta agensi-agensi kerajaan mengadakan pelbagai program berbentuk kerakyatan untuk mengenali serta mengeratkan hubungan.

Sementara itu, saya juga berhubung rapat dengan ahli-ahli pemegang taruh penduduk Seri Serdang seperti wakil penduduk, ahli masjid, dan sebagainya sekali gus memberi segala info dan aturcara program bersama.

Bagi Ramadan kali ini, kita memperuntukkan sebanyak RM45,000 untuk disalurkan kepada kesemua 56 masjid serta surau di sini.

Sementara itu, sebanyak RM2,000 disalurkan kepada kira-kira 90 peratusan persatuan penduduk yang terdapat di sini untuk mengadakan sebarang program kemasyarakatan.


Syukur, *Alhamdulillah* pemegang taruh di Seri Serdang amat aktif di dalam mengadakan program, malah ada juga antara mereka yang membantu di pusat khidmat kami.

Apakah harapan YB kepada penduduk Seri Serdang di masa hadapan?

Secara jujurinya, saya mempunyai impian yang besar buat penduduk di Seri Serdang, malah banyak perancangan yang telah dilaksanakan.

Visi saya ialah untuk membangunkan kawasan ini sehingga menjadi kawasan yang maju, bersih serta penduduk yang berdisiplin tinggi. Jika kita lihat kebanyakan negara-negara maju, mereka memiliki kawasan yang sangat bersih serta teratur membuatkan penduduk lebih berdisiplin.

Ini yang saya harapkan untuk penduduk di sini, di samping mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah lalu lintas. Begitu juga bagi aspek kesihatan, bila kawasan bersih, kesihatan juga akan bertambah baik.

Malah ini adalah antara beberapa perkara saya harap akan mengubah penduduk di sini pada masa hadapan bertunjangan aspek kebersihan, keselamatan serta kesihatan. Jadi selain soal infrastruktur untuk dimajukan perkara ini juga perlu diberi penekanan atau perhatian untuk bertambah maju. 

DBKL giat penguatkuasaan

Operasi niaga warga asing dibanteras

HAZIRAH HALIM

OPERASI perniagaan melibatkan penjaja dan peniaga kecil tanpa lesen dan kebenaran sah dalam kalangan warga asing dilihat semakin berleluasa terutama ketika bulan Ramadan.

Golongan itu dikatakan semakin berani memacakkan khemah di bahu-bahu jalan meskipun pelbagai larangan serta notis arahan telah dikeluarkan.

Ekoran daripada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kuala Lumpur terus mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan tersebut terutama di lokasi-lokasi tumpuan *hot spot*.

Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur merupakan antara lokasi seorang peniaga asing dikenakan tindakan sita oleh DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan baru-baru ini.

Menurut DBKL, tindakan sitaan itu dijalankan semasa anggota penguat kuasa melakukan rondaan di kawasan tersebut.



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menyita barangan yang dijual warga asing di Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur.

“Hasil daripada rondaan itu, kesemua barangan jualan terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran telah disita dan dibawa ke Setor Sitaan DBKL, Jalan Lombong, Taman Miharja.

“Ketika operasi, terdapat seorang lelaki warganegara Bangladesh yang sedang menjalankan aktiviti tersebut di kaki lima kawasan berkenaan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, DBKL turut melibatkan Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak dalam tindakan sita kepada penjaja asing yang menjalankan perniagaan martabak di Jalan Tasik Selatan,


Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

“Antara barangan yang disita adalah satu unit tong gas, satu unit dapur gas, satu unit meja lipat, satu unit khemah 8x8 dan satu unit kualiti bulat.

“Kesemua barangan sitaan telah dihantar ke Setor Sitaan DBKL, Jalan Lombong, Taman Miharja, Kuala Lumpur,” katanya.

Sementara itu, menjelang ketibaan Aidilfitri, Jabatan Penguatkuasaan turut memantau pemantauan terhadap aktiviti Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (Lorong TAR).

Dalam memastikan kelancaran pemantauan itu, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Mohd Muzammer Jamaluddin turun padang meninjau keadaan aktiviti di bazar pada Isnin sekitar pukul 4 petang.

Beliau juga turut diberi taklimat bagi pengaturan penugasan berkaitan kawalan lalu lintas, rondaan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perniagaan bazar tersebut. 

Sinaran cahaya penghujung Ramadan

MEMASUKI 10 malam terakhir di bulan Ramadan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengadakan pengisian istimewa iaitu Pelancaran Malam 7 Likur dan nyalaan pelita di padang Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

DBKL dalam satu kenyataan kepada *Wilayahku* berkata ia akan diadakan pada 30 Mac (Sabtu) ini dan merupakan sebahagian daripada pengisian Program Iftar@KL anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang sedang berlangsung.

“Program Malam 7 Likur ini telah memasuki tahun ke-9 penganjurannya sejak tahun 2015 dan ketika itu terdapat sebanyak 1,000 pelita yang dinyalakan di seluruh padang berkenaan,” jelas DBKL.

Menurut DBKL, tujuan utama

pengisian pelita diadakan di padang Dataran Merdeka adalah untuk menggambarkan kegembiraan warga kota menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri dengan cara memeriahkan dan mewarnai suasana pada waktu malam di Kuala Lumpur.

“Sambutan ini merupakan simbolik kepada tradisi masyarakat Melayu yang memasang lampu pelita di kawasan rumah menjelang penghujung Ramadan.

“Selain itu, pengisian ini juga dijadikan sebagai daya penarik kepada pelancong asing yang datang berkunjung ke Kuala Lumpur.


“Kemeriahan ini dapat dirasakan pada setiap tahun apabila warga kota menjadikan lokasi ini sebagai destinasi berbuka puasa sambil meluangkan masa bersama keluarga dan sahabat

handai,” ujarnya.

Tambah DBKL, program seperti ini juga dilihat mampu menjadi daya penarik sekali gus menjemput pelancong asing datang melancong ke Kuala Lumpur.

Di samping itu, ia juga secara tidak langsung dapat menggambarkan keharmonian, keamanan dan perpaduan masyarakat Malaysia.

Terdahulu, DBKL selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) di Kuala Lumpur turut sama memeriahkan Program Iftar@KL di Dataran Merdeka yang berlangsung selama tiga minggu berturut-turut pada setiap hujung minggu di sepanjang bulan Ramadan.

Ia bermula pada 23 dan 24 Mac lalu dan akan diteruskan pada 30 dan 31 Mac serta 6 dan 7 April nanti. 



Temu DBKL @ Lembah Pantai Sabtu ini


SELURUH warga kota khususnya penduduk di sekitar Lembah Pantai dijemput hadir memeriahkan Program Temu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau Temu DBKL pada 30 Mac (Sabtu).

Menurut DBKL, acara yang diadakan sepanjang tahun 2024 itu akan kembali menemui warga kota bagi edisi bulan Ramadan bertempat di Pantai Eco Park bermula pukul 10 pagi

hingga 8 malam.

Pelbagai aktiviti akan diadakan antaranya Jualan Agro MADANI, Jualan Rahmah, Jualan Ramadan dan lain-lain.

Pada program tersebut juga DBKL akan melakukan edaran bubur lambuk dan bubur kacang.

Justeru itu, DBKL menjemput orang ramai bersama-sama memberi sokongan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya. 



PADANG Dataran Merdeka dihiasi sinaran pelita. Foto: FACEBOOK SANTAI


RAFIZI ketika Majlis Peluncuran PADU baru-baru ini.

PADU bakal jadi penyelesaian padu


ZULKIFLI SULONG

PANGKALAN Data Utama (PADU) akan menamatkan pendaftarannya hujung Mac 2024 ini.

Menurut menteri yang menjaga hal ehwal PADU, seramai 6.34 juta atau 29 peratus daripada 30.08 juta rakyat sudah mengemas kini data di sistem PADU setakat 20 Mac lalu.

Tetapi menjelang tarikh tamat tempoh pendaftarannya, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata pendaftaran PADU naik mendadak. Katanya, kini angkanya telah melepasi lapan juta iaitu menghampiri 50% dari rakyat negara ini yang berumur 18 tahun ke atas, kumpulan yang perlu mendaftar PADU.

Mengikuti unjuran yang ada, apabila selesai pendaftaran PADU, kerajaan boleh memulakan bantuan kewangan secara bersasar kepada rakyat yang memerlukan.

Ia sesuai dengan peranan kerajaan, iaitu membantu rakyat yang memerlukan bukan membantu rakyat yang tidak memerlukan bantuan itu.

Sasaran utama program PADU adalah mendapatkan maklumat yang tepat dan komprehensif untuk membolehkan kerajaan membantu rakyat yang memerlukan sebelum memastikan subsidi bersasar berjalan.

Apakah subsidi bersasar yang

kerajaan sasarkan sekarang?

Dalam dialog mengenai PADU, Rafizi dengan jelas berkata kerajaan perlu menanggung sekurang-kurangnya RM2 bilion sebulan bagi kos subsidi petrol, sekiranya terus menanggung pelaksanaan subsidi bersasar.

“Lebih baik jika RM2 bilion ini, disalurkan dalam bentuk bantuan kepada keluarga (yang layak),” katanya dalam sesi dialog awam PADU 23 Mac lepas.

Rafizi berkata, kerajaan juga sedang mempertimbang cadangan untuk melaksanakan pembayaran atau pengagihan bantuan dalam bentuk pindahan wang tunai secara bulanan terus kepada rakyat.

Beliau berkata reformasi agihan bantuan sosial rakyat yang tidak pernah ditawarkan itu boleh dilaksanakan melalui PADU dan kaedah itu juga dijangka memberi tambahan pendapatan kepada penerima bantuan.

Ekoran daripada kenyataan Rafizi, ramai yang membuat andaian, harga petrol dan diesel akan melonjak naik selepas subsidi bersasar diperkenalkan.

Mungkin ada kebenarannya andaian itu. Ini kerana, kesemua rakyat negara ini, tanpa mengambil kira kemampuan kewangan mereka, menikmati harga diesel dan petrol yang amat rendah berbanding dengan negara jiran kita.

Rakan saya, Ahmad Mursi memberikan analogi berikut mengenainya:-

5 kali Pemandu Grab isi minyak motor Yamaha Y15 (4.2L) dengan membayar RM43, hanya dapat subsidi RM27.

Sekali pemandu BMW (70L) isi minyak RM143 dapat subsidi RM91.

Akibat daripada perbezaan ini, golongan T20 yang memakai BMW ini menggunakan RM17 bilion subsidi pada tahun 2022, kata Ahmad Maslan di Parlimen. Banyak manfaat untuk rakyat marhaen boleh dibuat berbanding kerajaan berterusan membantu mereka yang kaya raya ini.

Ahmad Mursi menulis lagi, Petrol RON95 yang dibeli di Malaysia dengan harga RM2.05 seliter, diseludup ke Thailand yang harganya RM5.05 seliter mendapat untung RM3 bagi setiap liter yang diseludup.

“Harga petrol di Singapura pula RM10.15. Jika petrol Malaysia diseludup ke Singapura, penyeludup itu mendapat keuntungan RM8.10 bagi setiap liter yang berjaya diseludup ke negara itu.”

Semua ini hanya boleh disekat jika harga petrol kita diapungkan pada harga pasaran. Ini bermakna, kerajaan kena menarik balik subsidi pukal yang diberikan selama ini.

Bagi membantu golongan yang tertekan dengan kenaikan harganya, kerajaan akan bantu melalui pemberian wang tunai melalui subsidi bersasar.

Inilah gunanya PADU. Walaupun orang memperlecehkan Rafizi dengan ejekan Raja Formula, saya yakin PADU ini memang padu apabila dilaksanakan nanti.

PENULIS sekadar memberikan pandangan, bukan mahu membodek Rafizi.



Hidup harmoni hormati jiran

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini bertindak tegas memotong dan merobohkan struktur besi di sebuah kediaman strata di Wangsa Maju, setelah nasihat, peringatan dan notis amaran tidak diendahkan oleh penghuni unit berkenaan.

Malah DBKL telah memberi pilihan kepada pemilik agar merobohkan sendiri struktur berkenaan tetapi enggan melakukannya. Kerana kedegilan ini, DBKL terpaksa bertindak meroboh struktur yang didirikan tanpa kebenaran sehingga menyusahkan penghuni lain.

Operasi dijalankan dengan kerjasama pelbagai jabatan DBKL seperti Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta dibantu oleh pasukan polis.

Apa yang kawan-kawan Kedai Kopi faham, di kediaman pemilikan strata, memang tidak dibenar sama sekali mendirikan sebarang bentuk struktur atau tambahan, atau menghalang laluan. Ini kerana kawasan tersebut dianggap tempat awam, milik bersama para penghuni yang mendiami blok berkenaan.

Sewajarnya peraturan ini difahami oleh penghuni, tambahan syarat ini telah dimaklumkan oleh DBKL

kepada semua penghuni. Namun ada yang degil mendirikan juga struktur di unit kediaman, seolah-olah itu adalah kawasan eksklusif untuknya.

Tidak cukup dengan itu, ada penghuni yang menjadikan laluan atau koridor di hadapan unit kediaman sebagai kawasan peribadi. Mereka meletakkan pelbagai barangan di situ, termasuk barang-barang lama yang sepatutnya dibuang tetapi disimpan.

Terdapat juga pemilik unit berstrata yang tinggal di aras tanah, bertindak membuat pengubahsuaian sesuka hati, termasuk membesarkan rumah. Jika unit persendirian pun memerlukan kelulusan DBKL untuk membuat ubah suai, apatah lagi di unit strata yang memang tidak dibenarkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berpandangan mereka yang mendirikan struktur atau membuat binaan tambahan haram bukan sahaja melanggar ketetapan DBKL, tetapi langung tidak menghormati keharmonian hidup dalam kalangan jiran yang tinggal di aras atau blok sama.

Mungkin ada yang berbuat demikian secara ‘curi-curi’. Jika tiada tindakan diambil dikira selamat. Tetapi jika ada aduan bersedia menerima padahnya.

Sisa pepejal bertambah

SABAN tahun pada bulan Ramadan buangan sisa pepejal pasti bertambah, termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini disebabkan pembaziran makanan dalam kuantiti yang banyak, daripada rumah perseorangan, restoran atau hotel yang menyediakan bufet Ramadan.

Tahun lalu Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan mencatat peningkatan pembaziran makanan lebih tinggi berbanding negeri lain. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Datuk Ahmad Husaini Abdul Rahman, masing-masing mencatatkan peningkatan 0.93 dan 0.73 peratus berbanding sebelumnya.

Pada 2023, jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di Kuala Lumpur ialah 64,125.85 tan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22,732.61 tan adalah sisa makanan. Di Negeri Sembilan pula, 28,044.89 tan sisa pepejal dilupus. Sebanyak 9,941.91 tan daripadanya ialah sisa makanan.

Yang menarik perhatian kawan-kawan Kedai Kopi, pembaziran makanan begitu ketara pada bulan Ramadan. Ini berlaku mungkin kerana terdapat kecenderungan untuk makan lebih pada bulan puasa.

Alasannya siang berlajar, pada malam hari perlu makan banyak untuk mengisi semula perut yang

kosong. Kerana itu apabila masak di rumah, kuantitinya berlebihan walaupun isi rumah yang hendak makan tetap sama.

Jika ke bazar Ramadan pula, segala lauk-pauk, kuih-muih atau minuman yang membangkitkan selera mahu dibeli. Semua hendak dicuba. Akhirnya balik dengan bungkusan juadah penuh di tangan.

Berapa banyak yang mampu dimakan ketika berbuka? Makan sedikit sahaja sudah kenyang. Bukan semua juadah disentuh dan dirasa. Waktu lapar memang semua hendak dimakan. Sudah makan, tidak mampu habiskan.

Tetapi ia tidak pula menjadi pengajaran. Esok lusa tetap masak lebih atau tetap mengangkut pelbagai makanan dan minuman dari bazar Ramadan. Kenapa terus bersikap begitu jika sadar makanan banyak yang tidak habis?

Makanan tidak habis biasanya dibuang, menambah kepada jumlah sisa pepejal yang perlu dilupus. Kadangkala yang belum disentuh pun turut dibuang. Sayu melihat perlakuan ini.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedih apabila memikirkan banyak makanan dibuang kerana sikap orang ramai yang tidak mahu berjimat di bulan mulia ini. Masak atau beli makanan biar berpada menurut keperluan.

Ramadan dan Mak Jah Pekan Rabu



KU SEMAN KU HUSSAIN

HARI itu dalam bulan Ramadan 1983 semasa saya menjadi wartawan sambilan *stringer* di pejabat Biro Utusan Melayu di Alor Setar. Dalam keletihan berpuasa, saya mencapai kamera dan buku nota kemudian merayap ke Pekan Rabu untuk mencari bahan berita.

Ketika itu menulis adalah satu-satunya cara saya mencari duit, satu perenggan berita dibayar 80 sen dan sekeping gambar melintang dibayar RM5. Itupun kalau disirikan. Kalau tidak disirikan, tidak ada apa-apalah.

Dengan pengalaman yang diberikan oleh Ketua Biro, Mat Piah The Deria dan wartawan-wartawan senior, saya cuba mencari sesuatu yang ada nilai berita dan menarik dibaca. Saya pun menyusuri ke bahagian menjual sayur di Pekan Rabu, bahagian hujung tidak jauh dengan Sungai Keruh yang mengalir lesu.

Dari gerai menjual kuih, pakaian, songkok dan ikan pekasam, saya belum jumpa berita untuk ditulis. Hati sudah mulai kecewa kerana masih tidak ada bahan untuk dijadikan berita.

“Pasai apa depa tak tulis dua orang duduk bawah kotak kertas di tepi sungai tu?” tiba-tiba seorang penjual sayur yang sebaya ayah menyapa saya. Saya berpaling ke arah penjual sayur itu.

“Tulis pasai sapa pakcik?” saya bertanya dengan penuh minat.

“Tu orang tua laki bini duduk dalam dangau (pondok) di tepi sungai. Hang tulislah sikit pasai depa. Tu hang nampak dak tu. Dangau buat dengan kotak kertas tu?” loghat Kedah dia memang pekat.

Mata saya terjegal, berita sudah datang. Dia tunjuk arah tebing sungai tidak jauh dengan Pekan Rabu. Saya terpa ke pondok itu



PEKAN Rabu kini menjadi lokasi tarikan pelancong.

seperti ada orang menjemput makan durian. Di dalam pondok ada seorang wanita separuh umur.

Rambut mengembang dan pakaiannya kusam. Saya memperkenalkan diri dan dia melayan dengan baik. Wanita itu memperkenalkan diri sebagai ‘Khatijah Ibrahim’. Saya teringat kepada penyanyi Khadijah Ibrahim sangat popular ketika itu dengan lagu Ku Sangka Siang Rupanya Malam.

Dia yang membahaskan diri sebagai Mak Jah beritahu, mereka suami isteri tidak ada saudara mara, tidak ada anak. Kisah yang diceritakan Mak Jah sangat mengharukan.

Hidup dengan bantuan peniaga-peniaga Pekan Rabu, upah yang diperoleh suaminya tidak cukup menyara hidup mereka berdua. Air dari sungai yang berkeladak macam teh tarik itulah untuk minum dan mandi.

Sampai di pejabat, Mat Piah meneliti satu demi satu gambar yang berselerak di atas meja di depannya. Lama beliau merenung gambar pondok buruk.

“Sekali kau cuit isu ini, kau

kena selesaikan. Kau kena pastikan pasangan ini terbelah, bukan kena halau percuma saja. Setiap hari pantau ketiga-tiga agensi ini – majlis bandaran, pejabat kebajikan dan pejabat agama,” tegas benar arahan Mat Piah.

Saya bertekad tidak membiarkan Mak Jah dihalau begitu saja. Sudah terlupa tujuan menulis berita untuk mendapatkan duit. Kalau tidak dibayar sekalipun, saya pasti terus menulis demi Mak Jah dan suaminya.

Padahal keadaan saya ketika itu juga amat sengkek, tidak mampu makan di warung dan setiap hari ibu bekalkan nasi – ikan temenung goreng dan sambal tumis. Rupa-rupanya ada lagi orang yang lebih menderita. Mak Jah menjadikan saya kuat menerima nasib diri.

Esoknya, pagi-pagi lagi saya membeli *Utusan Malaysia* di pekan Simpang Empat, Perlis. Rakus sahaja menyelak helai demi helai akhbar *Utusan Malaysia* dan berita itu memang disirikan. Ruangnya besar, tiga gambar saya digunakan untuk berita itu bagi edisi utara.

SEBUAH KISAH KECIL

HARI itu juga merupakan hari paling sibuk. Sampai sahaja di pejabat sebelum pukul 10 pagi, saya terus menelefon pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat kemudian pejabat agama. Semua arahan selesai dilakukan kemudian melaporkan perkembangan kepada Mat Piah.

Kemudian pergi ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan terus ke Pekan Rabu untuk meninjau keadaan pondok buruk Mak Jah. Ketika saya menghubungi pejabat agama, ada pegawai memberitahu mereka belum dapat memastikan status perkahwinan pasangan warga emas itu. Besar kemungkinan

bukan suami isteri.

Saya kembali teringat ketika diwawancara, maklumat yang diberikan Mak Jah berubah-ubah. Macam ada masalah ingatan. Yang tidak berubah hanya namanya ‘Khatijah Ibrahim’. Itupun saya tidak pasti.

Mungkin juga kerana populariti penyanyi Khadijah Ibrahim ketika itu.

Suatu pagi lebih kurang seminggu selepas tersiar berita pondok buruk itu, saya menerima panggilan daripada ‘informer’ di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Katanya, pegawai-pegawai tengah bersiap hendak ke pondok Mak Jah. Mungkin akan merobohkan dan memindahkan Mak Jah.

Saya segera berlari ke Pekan Rabu kemudian terus ke tepi sungai. Memang benar ada pekerja tengah merobohkan pondok Mak Jah. Khabarnya Mak Jah akan dibawa ke rumah orang-orang tua di Bedong, Kedah.

Pegawai-pegawai jabatan itu memujuk Mak Jah untuk dibawa ke lori yang berjaring besi. Ketika itu Mak Jah sedang menanak, nasinya sedang mendidih di atas tungku batu. Mak Jah terpinga-pinga apabila melihat orang ramai di sekeliling pondoknya. Saya dapat merakamkan detik-detik ini dengan baik sekali.

Mak Jah seperti cuba tersenyum tetapi kemudian teresak-esak. Semua yang ada di situ sangat terharu dan diam. Kemudian beberapa pegawai memimpin Mak Jah ke lori. Langkahnya longlai bagai terlalu berat meninggalkan pondok itu dan matanya liar seperti mencari seseorang.



Sudah tentu lelaki yang dikatakan suaminya. Semua detik-detik pilu itu terakam kukuh dalam ingatan, juga dalam kamera. Mungkin itu hanya sebuah kisah kecil, akan tetapi memberi kesan yang besar kepada saya.

Lelaki itu terus tidak muncul, dan sebelum melangkah naik ke lori, Mak Jah berpaling ke arah saya. Dia menangis tetapi sempat melambai kepada saya. Saya pun membalas lambaian itu. Perlahan-lahan lori bergerak dan saya menghantar Mak Jah dengan pandangan lesu hingga hilang di sebalik selekoh. Rasa sebak pun mulai menggila.

Saya kembali ke pondok yang sudah dirobohkan dinding dan atapnya. Periuik nasi di atas tungku terus menggelegak. Mak Jah tidak sempat menjamah nasi yang ditanaknya. Saya fikir sesiapa sahaja di tempat saya akan ikut berkongsi sedihnya.

Melihat api masih menyala, saya mengambil gayung dan menceduk air dari sungai lalu mencurahkan ke bawah periuik yang nasinya belum masak. Api padam dan keluar asap putih bergulung-gulung kemudian hilang. Berakhirlah Mak Jah di Pekan Rabu.

Selepas lebih kurang dua tahun bekerja di Kuala Lumpur, semasa pulang bercuti di kampung saya cuba menjejak Mak Jah di Rumah Orang-Orang Tua Bedong, Kedah. Teringin untuk melihat keadaan dia yang sudah dijaga dengan baik. Bagaimanapun sangat malang, petugas di situ memberitahu tidak ada seorang pun yang bernama ‘Khatijah Ibrahim’.


RAGAM KOTA

F#minor

BAGUS BOBOI... KECIL LAGI DAH BOLEH PUASA PENUH... TAHNIAH. KIRANYA BOBOI NI DAH GENG DENGAN ABAH, ALONG DAN ANGAH LA YE... HIHIHE...

BOBOI NAK GENG DENGAN AL-QURAN SAHAJA RAMADAN INI. TAK MAU GENG DENGAN TELEFON.

TAPI...



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 256 . 29 MAC - 4 APRIL 2024



12 PENYUNGGANG MOTOSIKAL MAUT SETIAP HARI

► 10-11



SJR bantu penurunan kes



DIANA AMIR & HAZIRAH HALIM

MALAYSIA mencatatkan purata 18 kematian akibat kemalangan jalan raya setiap hari dengan 12 daripadanya melibatkan motosikal sepanjang tahun lalu.

Ia bersamaan hampir setiap dua jam berlakunya kemalangan maut membabitkan penunggang motosikal. Menurut Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, **Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh**, di Kuala Lumpur sahaja sebanyak 236 kes kemalangan maut dicatatkan pada tahun lalu sehingga 17 Mac 2024.

"Kuala Lumpur berjaya mencatatkan penurunan kes kemalangan maut keseluruhan di mana hanya 193 kes direkodkan pada tahun 2023 berbanding 218 kes pada tahun 2022. "Manakala untuk jumlah kematian yang dicatatkan pula adalah sebanyak 206 kematian berbanding 222 pada tahun 2022," ujarnya.

Walau bagaimanapun, beliau berkata trend kemalangan motosikal di Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan sebanyak 1,498 kemalangan membabitkan penunggang motosikal sepanjang tahun lalu. "Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 36 kemalangan maut telah direkodkan pada tahun lalu di mana terdapat peningkatan sebanyak lapan kes berbanding tahun 2022. "Peningkatan jumlah tersebut juga dilihat berpunca daripada pertambahan jumlah kenderaan keluar masuk ke ibu negara yang sekali gus menjadi faktor kemalangan.

"Setiap pagi sebanyak lebih kurang satu juta kenderaan direkodkan memasuki ibu kota.



SARIFUDIN

Justeru itu, kita sentiasa meletakkan anggota dan pegawai bagi membantu melancarkan trafik di waktu puncak.

"Selain itu, sikap penunggang juga menjadi antara faktor berlakunya kemalangan di mana kebiasaan di Malaysia mereka akan 'cilok' di kiri dan kanan membuatkan pemandu kenderaan tidak sedar kehadiran mereka secara tiba-tiba," ujarnya.

Tambah beliau, antara lokasi hot spot kemalangan maut membabitkan motosikal adalah di Jalan Kuching dan Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban. Dalam masa sama, bilangan trafik juga banyak sekali gus meningkatkan risiko kemalangan berlaku. Mengulas lanjut, Sarifudin berkata memandangkan Kuala Lumpur berjaya mencatatkan penurunan bagi kes kemalangan maut pada tahun lalu, pihaknya akan mengguna pakai strategi yang sama sekali lagi.

"Penurunan itu berlaku kerana kekerapan sekatan jalan raya (SJR) yang dilaksanakan dengan mensasarkan penunggang motosikal. Setiap malam minggu juga operasi akan dijalankan di beberapa kawasan terpilih berdasarkan trend dan statistik kemalangan maut. "Menerusi kekerapan SJR inilah mendatangkan sedikit kegerunan buat para penunggang motosikal sekali gus membuatkan mereka untuk lebih berhati-hati dan kes samseng jalanan juga berkurangan," jelasnya.

Jelasnya lagi, kumpulan umur antara 16 hingga 30 tahun merekodkan statistik tertinggi yang maut dalam kemalangan motosikal. "Kemalangan berlaku disebabkan beberapa faktor sama ada kecuaiannya sendiri atau pihak lain. Cara untuk

mengatasinya adalah dengan mengadakan kempen kesedaran namun ia memerlukan kerjasama yang baik daripada pihak-pihak bertanggungjawab. "Bagi pihak JSPT, kita boleh melaksanakan penguatkuasaan namun untuk peringkat awal perlu ada pihak lain memainkan peranan untuk mendidik masyarakat Malaysia," ujarnya.

DATA REAL TIME

JSPT Bukit Aman akan menyiarkan maklumat statistik jumlah kes kemalangan jalan raya dan kematian secara harian, sepertimana hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai kesesakan dan keselamatan jalan raya. Statistik kematian akibat kemalangan secara 'real time' setiap hari itu diadakan sebagai langkah baru bagi meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya dan orang ramai.

TIP KESELAMATAN



Statistik kemalangan motosikal



- Pada tahun 2023, kematian meningkat 10% dengan 4,480 kematian
- Purata 12 daripada 18 kematian sehari
- Penunggang 16 hingga 30 tahun merekodkan statistik tertinggi maut
- Peningkatan kematian berkait ketiadaan lesen dan tidak mematuhi peraturan jalan raya

*Sumber: Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi

"Sebenarnya kes kematian yang direkodkan akibat kemalangan adalah lebih tinggi berbanding COVID-19 tetapi masih ramai yang tidak tahu tentang itu.

"Diharapkan dengan data yang dikongsikan pada setiap hari ini mampu sedikit sebanyak memberi kesedaran terhadap pengguna jalan raya betapa seriusnya perkara ini," jelasnya.

Berkongsi persediaan menghadapi musim perayaan, Sarifudin berkata pihaknya sentiasa bersedia untuk menjalankan Ops Selamat yang akan dilancarkan oleh JSPT Bukit Aman.

"Kita akan meletakkan anggota serta pegawai bagi melancarkan trafik semasa hari pulang ke kampung dan juga selepas cuti perayaan nanti," katanya. 🚒



KEKERAPAN SJR menjadikan pengguna jalan raya untuk lebih berhati-hati.

Tiga aspek penting elak nahas

TREND kemalangan jalan raya membabitkan motosikal khususnya di Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan sejak kebelakangan ini.

Pelbagai inisiatif dijalankan oleh kerajaan menerusi agensi berkaitan namun kesedaran tentang aspek keselamatan serta punca yang mendorong berlakunya kemalangan itu masih lemah.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr Law Teik Hua** berkata kadar kemalangan motosikal ini boleh dikurangkan jika tiga aspek penting diutamakan.

"Tiga punca berlakunya kemalangan ini dapat dilihat melalui keadaan jalan raya, sikap pemandu kenderaan serta tingkah laku penunggang motosikal sendiri.

"Jika dilihat, bilangan kematian melibatkan motosikal ini sudah lama meningkat hampir 60 peratus. Ia boleh dirungkai melalui tingkah laku sesetengah penunggang yang tidak menitikberatkan aspek keselamatan terutama ketika memandu di jalan raya utama (jalan besar).

"Tidak dinafikan masyarakat masa kini gemar menunggang pacuan dua roda itu terutama golongan remaja kerana ia lebih murah berbanding kereta selain cepat dan mudah untuk bergerak. "Namun, golongan



LAW

inilah yang berisiko tinggi kerana ia berkait dengan sikap atau cara pemanduan mereka di mana kita tahu motosikal ini kecil dan susah diketahui pergerakannya terutama ketika di simpang jalan," katanya.

Selain itu, Dr Law berkata keadaan laluan atau lorong motosikal yang tidak selamat, gelap dan berlubang juga menjadi faktor kemalangan motosikal.

"Saya dapat banyak aduan daripada penunggang motosikal berkenaan laluan gelap, dinaiki air ketika banjir serta turut berlakunya kes rompakan, jadi mereka tidak gunakan laluan tersebut.

"Selain itu, kemalangan motosikal ini juga turut berkait dengan laluan kecemasan kerana kebanyakan penunggang menganggap ia adalah laluan motosikal tetapi hakikatnya tidak.

"Bila ada tanggapan seperti ini, tidak hairanlah kenapa kemalangan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap usaha memberi pendedahan kepada penunggang serta pembonceng motosikal tentang aspek pemanduan, pemakaian keselamatan selamat serta tingkah laku boleh dipertingkatkan bagi memastikan keselamatan mereka terjamin sekali gus dapat mengurangkan kadar kemalangan tersebut.

Negara sifar kematian jalan raya

DALAM menangani isu keselamatan jalan raya di Malaysia, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memperkenalkan satu dokumen rujukan rasmi yang dinamakan sebagai Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) sejak tahun 2006 yang telah pun menjangkau edisi ketiga.

Ia bertujuan untuk menetapkan hala tuju bagi meningkatkan tahap keselamatan dan menangani isu-isu jalan raya terutama melibatkan aspek kematian.

Bagi merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sifar kematian di jalan raya, kerajaan meneruskan pelaksanaan PKJRM 2022-2030 di mana ia berkait dengan pengalaman dua PKJRM sebelum ini dan kerangka asas Pelan Global Tindakan Sedekad Keselamatan Jalan Raya 2011-2020.

Ia termasuklah isu-isu semasa yang berkaitan dengan aspek keselamatan jalan raya pada peringkat Malaysia.

PKJRM 2022-2030 ini juga telah menetapkan visi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara sifar kematian akibat nahas jalan raya sebagai bukti komitmen berterusan kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan melindungi kebajikan semua pengguna jalan raya di Malaysia.

Dalam masa sama, ia menetapkan misi untuk membudayakan keselamatan jalan raya ke arah kesejahteraan negara bagi mendorong perubahan minda masyarakat supaya mementingkan aspek keselamatan dan pematuhan jalan raya seterusnya dijadikan sebagai norma kehidupan harian.

Berdasarkan kepada maklum balas, cadangan, kumpulan data dan dapatan daripada kajian-kajian yang



motosikal yang lebih selamat. Secara realitinya, penggunaan motosikal masih ketara di Malaysia atas faktor mampu milik, mudah untuk digunakan dan menawarkan perkhidmatan dari pintu ke pintu. Motosikal sememangnya menjadi pilihan utama bukan sahaja untuk penggunaan peribadi atau ulang-alik kerja tetapi juga penggunaannya lebih meluas susulan perkembangan trend ekonomi gig di Malaysia.

Justeru, usaha-usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal di Malaysia sememangnya wajar untuk dijalankan serta kajian terperinci juga perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti tindakan yang sesuai dan bertepatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

telah dijalankan pada dua pelan sebelum ini, rangka kerja PKJRM 2022-2030 adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya bagi dekad 2022-2030 di Malaysia akan memberi fokus kepada 10 bidang keutamaan yang meliputi 58 strategi utama.

Salah satu fokusnya adalah berkaitan dengan penunggangan motosikal yang lebih selamat memandangkan berdasarkan situasi lebih dari dua dekad kematian melibatkan para penunggang dan pembonceng motosikal sentiasa melebihi 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kematian jalan raya dan terdapat keperluan mendesak untuk memberikan fokus kepada penunggangan



Bingkisan kemalangan motosikal pada Aidilfitri

DALAM NEGERI

Remaja maut awal pagi Aidilfitri ketiga

BUAHOI PETANG: Tragedi awal pagi Aidilfitri ketiga apabila pertembungan berlaku antara sebuah kereta dan motosikal di Jalan Raya Bagan Serai, Kedah pada awal pagi hari ini.

Dalam kemalangan itu, remaja Muhammad Fadzil Muhammad Zaki, 25, maut di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di tempat.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy bin Husein, berkata dalam kejadian jam 8.30 pagi, seorang penunggang motosikal jenis Yamaha Y15 dipukul oleh sebuah kereta jenis Toyota Hilux.

DALAM NEGERI

Tragedi Aidilfitri: Dua remaja maut, motosikal bertembung pacuan empat roda

Sebuah remaja maut di tempat yang ditunggang oleh penunggang jenis Honda, maut di tempat kejadian. - Gambar: Negeri

KLANG: Dua remaja lelaki yang dipanggil dalam pertembungan antara kereta, Honda, dengan motosikal dipanggil dipanggil yang berlaku di Jalan (bersempitan) antara bertembung dengan sebuah pacuan empat roda di Kilometer 27 Jalan Pakan - Batu Saba pada Sabtu.

Muhammad Nur Zulkarnain Zulfairi, 25, yang menunggang motosikal jenis pertembungan, Muhammad Asyraf bin Khairuddin, 23, di tempat meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Pakan, Superintendan Dzulfiqar bin Zin, berkata pada Sabtu (29 Mac) kejadian berlaku jam 10.30 pagi, seorang penunggang motosikal jenis Honda dipukul oleh sebuah kereta jenis Toyota Hilux.

DALAM NEGERI

2 remaja maut kemalangan awal pagi Aidilfitri

KADARAH: Seorang remaja maut di Jalan Juruah berhampiran Rumah Rangsang Juruah Petang. - Foto: Adnan Yahya

DUNIA PERAH: Dua remaja lelaki yang bertembung bersama kereta tempatan maut di Jalan Juruah, maut selepas bertembung dengan sebuah kereta tempatan di sini, awal pagi tadi.

Kejadian berlaku jam 3 pagi di Jalan Juruah-Gebau, berhampiran Rumah Rangsang Juruah Petang, Nur Hafidza Ramli, 15, dan Mohd Nur Syahe, Tahahebi, 25, maut di tempat kejadian akibat kecederaan parah selepas bertembung.

Orang lagi yang maut ketika kejadian 21 tahun, yang motosikalnya turut bergeser dalam kejadian itu, dan di bawa ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) di sini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Dzulfiqar bin Zin, berkata dalam kejadian jam 1.00 pagi, seorang penunggang motosikal jenis Honda dipukul oleh sebuah kereta jenis Toyota Hilux.



LEGENDA SONGKOK

Kampung Nakhoda

SHUAIB AYOB

Video: HASIF HALIMI

TIDAK lengkap berbaju Melayu tanpa hiasan songkok di kepala. Merupakan warisan Melayu yang tidak lapuk dek zaman, songkok terus menjadi rebutan lebih-lebih lagi tatkala menjelang Aidilfitri. Seni pembuatan yang halus antara kriteria dicari pembeli kerana ia mampu mempengaruhi penampilan si pemakai. Antara pembuat songkok yang tidak asing lagi ialah Yusrif Udin Pakih atau lebih dikenali sebagai Pak Is.

Pengalaman lebih empat dekad membuatnya dikenali terutamanya bagi penduduk Kampung Nakhoda, Batu Caves. Malah, lelaki berusia 65 tahun ini juga turut menjadi pilihan golongan diraja dan kenamaan yang percaya pada kekemasan songkok buatannya.

Lensa *Wilayahku* sempat merakamkan proses pembuatan songkok Pak Is di kedainya baru-baru ini. 📹



PAK IS menunjukkan songkok yang telah siap dijahit.



KETELITIAN diperlukan dalam menghasilkan songkok yang berkualiti tinggi.



Ceq Lapaq Nasik Lah! tarikan di Rebung Putrajaya

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

RESTORAN Rebung Cef Ismail sinonim buat mereka yang menggemari masakan kampung tradisional terutama ketika berbuka puasa. Lebih menarik kini Restoran Rebung Chef Ismail 2 telah pun dibuka bertempat di Taman Seri Empangan, Putrajaya.

Menawarkan lebih 50 jenis menu, sempena Ramadan, ia menampilkan lima jenis hidangan nasi popular di Malaysia yang jarang ditemui antaranya nasi lemuni, nasi ulam, nasi ikan, nasi kerabu dan nasi daging.

Menurut pemiliknya, **Cef Datuk Ismail Ahmad**, bertemakan Ceq Lapaq Nasik Lah! setiap jenis hidangan nasi didatangkan dengan set merangkumi lauk utama dan sampingan yang dimakan bersama nasi-nasi tersebut.

“Untuk nasi kerabu kita sediakan ayam percik, solok lada, ikan goreng dan telur masin manakala nasi lemuni antara lauk pilihan adalah sambal ikan tongkol, sambal paru dan sambal telur.

“Sementara nasi daging pula seperti kebiasaan ia disediakan sekali dengan air asam dan nasi ikan disertakan dengan ikan tongkol goreng.

“Selain itu, kita juga menyediakan pelbagai jenis lauk-pauk seperti ikan patin tempoyak, keli berlada, daging salai masak lemak, ikan bakar, sayur-sayuran serta pelbagai pilihan ulam-ulaman dan banyak lagi,” katanya.

Selain hidangan wajib dicuba, beliau turut menyediakan menu-menu sampingan lain seperti aneka jenis mee, bubur, pecal, roti jala, martabak serta pelbagai jenis air.

Mengekalkan konsep tradisional, hiasan klasik membuatkan pengunjung merasai pengalaman seolah-olah berbuka di kampung sendiri dan lebih menarik di cawangan Putrajaya, pelanggan disajikan dengan pemandangan

indah tasik Putrajaya di sebelah malam serta bangunan-bangunan ikonik.

Berkongsi lanjut, Cef Ismail berkata harga yang dikenakan hanya RM99 untuk dewasa manakala kanak-kanak yang berusia lima hingga 12 tahun pula RM69 seorang.

“Bufet Ramadan di Restoran Rebung 2 Putrajaya ini bermula sepanjang Ramadan iaitu dari 12 Mac sehingga 8 April 2024,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Cef Ismail berkata selain bufet Ramadan, Rebung 2 Putrajaya turut mengadakan bufet Hari Raya yang akan menggabungkan hidangan bufet hidangan tengah hari dan makan malam beserta tempahan menu sempena Hari Raya seperti lemang, ketupat palas, rendang dan lain-lain.

“Promosi ini akan berlangsung bermula 16 April (raya ketujuh) hingga 9 Mei 2024 di mana ia akan diadakan sebanyak tiga sesi iaitu pukul 11 pagi hingga 2 petang (sesi 1), pukul 3 hingga 6 petang untuk sesi kedua manakala sesi ketiga bermula pada pukul 7 petang sehingga 10 malam.

“Harga yang dikenakan pula adalah RM79 untuk seorang dewasa dan RM59 buat kanak-kanak yang berusia lima hingga 12 tahun,” katanya.

KEMUDAHAN LENGKAP

PELBAGAI kemudahan disediakan untuk keselesaan pengunjung antaranya ruang makan yang mampu menampung kapasiti

300 orang dalam satu masa, empat ruang khas (*private room*) yang boleh memuatkan kira-kira 12 orang serta surau dan tandas bersih juga sedia disediakan buat pelanggan.

“Kemudahan parkir kereta juga disediakan dan untuk masa akan datang kita bakal mewujudkan bilik mesyuarat serta *studio house* untuk program kelas memasak dan juga rakaman program memasak di mana




ORANG ramai akan dihiburkan dengan persembahan ghazal dari kumpulan Orkes Melayu Roger.



kadar sewa akan ditentukan kelak,” ujar Cef Ismail.

Sama seperti cawangan pertamanya, Cef Ismail berkata Rebung 2 Putrajaya turut menyediakan perkhidmatan catering sama ada di restoran, kediaman atau pejabat serta majlis tertutup seperti pertunangan, kahwin, hari lahir dan sebagainya.

Buat mereka yang gemarkan masakan kampung asli jangan lepaskan peluang untuk menikmati pengalaman berbuka di Restoran Rebung 2, Putrajaya sempena Ramadan ini. 



**Taman Seri Empangan,
Lebuh Gemilang, Presint 5,
62200 Putrajaya**

6.30 petang hingga 9.30 malam

011-6745 3535 / 011-6743 5355

rebungchefismail2



ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Raih ratusan ribu ringgit jual biskut raya

HAZIRAH HALIM

MENJELANG hari raya Aidilfitri yang bakal disambut kurang seminggu sahaja lagi, pastinya biskut raya menjadi tumpuan pembeli untuk dihidangkan kepada tetamu yang datang bertandang pada lebaran nanti.

Turut diakui pengusaha kuih raya Kayla Cookies, Ernie Hamil Hamzah, 34, dia dan kakitangan bersengkang mata demi menyiapkan lebih 5,000 tempahan pelbagai jenis biskut raya sejak sebulan lalu.

"Alhamdulillah Kayla Cookies mendapat sambutan amat mengalakkan terutama daripada pelanggan sedia ada selain turut menjadi tumpuan golongan korporat dan vvip yang menjadikan Kayla Cookies sebagai buah tangan," ujarnya.

Pernah menerima tempahan sempena rumah terbuka Perdana Menteri pada tahun lalu, Ernie bersyukur perniagaan biskut raya yang diusahakan sejak tahun 2014 kini semakin kukuh.

Namun, ibu tunggal ini mengakui perjalanan satu dekad sebagai pengusaha kuih raya bukanlah mudah



seperti yang disangka kerana banyak cabaran yang perlu dilalui untuk kekal menjadi pilihan.

"Konsep Kayla Cookies sejak dari dahulu lagi adalah biskut raya mampu milik namun kenaikan kos harga bahan mentah merupakan antara cabaran utama yang perlu dilalui. "Dengan keadaan ekonomi

sekarang, saya faham tidak semua orang senang jadi saya cuba sehabis baik dengan tetap mengekalkan harga asal RM35 sebalang tanpa mengurangkan sedikit pun kuantiti biskut raya.

"Tidak dinafikan, aspek keuntungan menjadi keutamaan setiap peniaga namun saya percaya dengan kaedah ini ada rezeki di sebaliknya," katanya yang turut menawarkan harga set iaitu empat bekas berharga RM120.

Selain itu, antara cabaran yang sering dilalui adalah kerana pelanggan yang suka membatalkan

pesanan di saat akhir sedangkan sebelum itu dia terpaksa menolak tempahan pelanggan lain.

"Disebabkan perkara tersebut dan untuk mengelakkan ia terjadi lagi, saya terpaksa menegaskan kepada pelanggan untuk membuat tempahan dengan bayaran pendahuluan," ujarnya.


Ber cerita lanjut tentang permulaannya dalam perniagaan

biskut raya, Ernie berkata, minat yang mendalam terhadap bidang masakan membuatnya bertekad untuk mengubah hidup.

"Saya bermula dengan modal yang kecil, namun itu bukanlah halangan untuk tidak memulakannya. Lagi pula saya merupakan ibu tunggal sudah tentu saya mengimpikan untuk membesarkan anak dalam keadaan yang selesa.

"Diharapkan ia boleh menjadi inspirasi kepada suri rumah di luar sana kerana dalam hidup ini tiada yang mustahil jika kita benar-benar tekad untuk melakukannya," ujarnya yang kini mempunyai lima orang pembantu.

Ingin mengukuhkan lagi perniagaannya, wanita cecal ini tidak hanya menumpukan jualan biskut raya semata-mata namun turut menjual rendang sepanjang tahun.

"Insya-Allah kini saya sedang memfokuskan dari segi pemasaran untuk membawa Kayla Cookies ke pasaran luar dan membuktikan usahawan bumiputera mampu bersaing ke peringkat antarabangsa," ujarnya. 

Aplikasi konsep berniaga sambil bersedekah

CUBAAN dua rakan memperkenalkan menu Lamb Shank Percik di Bazar Ramadan Stadium Perak di sini membuah hasil apabila mendapat sambutan dan laris dijual sejak hari pertama penjualannya.

Firdaus Aziz yang menjalankan perniagaan itu bersama rakannya Saifful Zharfan Mohd Hamidi, keduanya berusia 33 tahun, berkata idea menu berkenaan tercetus selepas melihat lamb shank atau betis kambing menjadi sohor kini dan sentiasa mempunyai permintaan tinggi daripada orang ramai.

"Saya pula sudah bertahun-tahun menjalankan perniagaan menerusi Ayam Percik Along, jadi kali ini saya bersama rakan cuba menghasilkan menu Lamb Shank Percik yang dimakan bersama Nasi Calcuttha," katanya ketika ditemui.

Firdaus berkata Lamb Shank Percik memiliki keunikan tersendiri

kerana dimasak dengan kaedah berbeza iaitu diperap dengan kuah percik sebelum dimasak sehingga lembut lalu dibakar menggunakan arang selama 15 minit.

Menurut Firdaus, sebanyak 200 ketul Lamb Shank Percik habis dijual pada hari pertama Ramadan menyebabkan mereka melakukan penambahan sehingga terjual sebanyak 250 ketul sehari pada hari kelima.

"Kita tengok di gerai pun orang sudah mula beratur. Pada tahun lepas, sebanyak 100 ekor ayam percik sahaja dijual tetapi sekarang penambahan dibuat kepada 200 ekor ayam sehari dengan 200 ketul Lamb Shank Percik bagi permulaan.

"Kita sasarkan dalam masa sebulan jika semakin ramai, kemungkinan kita akan jual hingga satu tan Lamb Shank Percik dan kemungkinan akan menyertai festival makanan pula bagi

memperkenalkan dengan lebih luas lagi menu ini," katanya.

Mengulas mengenai Nasi Calcuttha, Firdaus berkata ia dihasilkan dengan resipi khas daripada seorang kenalan dari India menggunakan minyak sapi yang berkualiti dan sesuai dimakan bersama hidangan betis kambing itu.

Nasi Calcuttha dan Lamb Shank Percik katanya, dijual dengan harga RM45 bagi satu set dan keuntungan hanya diperoleh kira-kira 30 peratus kerana dijual dengan harga minimum berikutan ingin menjalankan perniagaan sambil bersedekah pada bulan Ramadan.

Firdaus berkata ayam percik pula dijual dengan harga RM8 seketul, manakala RM13 bagi set bersama Nasi Calcuttha.

"Selain itu, kita juga menjual bebola udang, bebola sotong, ketam, sosej, kulit ayam, hati dan pedal percik," katanya. - **BERNAMA**



SAIFFUL menunjukkan Lamb Shank Percik yang menjadi pilihan pelanggan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

MEDIA MARGA KOTA
WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seusai Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Parlimen bagi melancarkan Seminar Kebangsaan Penerbitan Buku Berbahasa Melayu.



SEMINGGU



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendapat penghormatan untuk menganjurkan Iftar di Sri Satria, Putrajaya untuk Duta Besar dari negara anggota OIC di Malaysia.



TIMBALAN Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof menerima kunjungan hormat daripada bakal Ketua-Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia yang akan memulakan tugas di negara penempatan mereka masing-masing.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa santuni 300 asnaf dalam Program Nur Ramadan Peringkat Parlimen Setiawangsa di Surau Jumaat An-Naim.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad semasa pelancaran Dasar Kampus Bebas Rokok & Vape daripada pasukan Fakulti Farmasi, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI).



MENTERI Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail hadir pada majlis berbuka puasa bersama pengamal media anjuran seluruh barisan tertinggi Kementerian Dalam Negeri.

Program Kasih Ramadan YWP-BSN Libat empat lokasi sepanjang Ramadan



ZAHIR (tengah) bersama Azizah (dua kiri) menyerahkan sijil penghargaan kepada wakil pengurusan Masjid Zaid Bin Thabit.

HAZIRAH HALIM

PROGRAM Kasih Ramadan YWP-BSN anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN) akan dilaksanakan di empat buah kawasan sekitar Wilayah Persekutuan sepanjang Ramadan ini.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Ts Zahir Hassan** berkata program tersebut diadakan bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan pelbagai aktiviti kebajikan, pendidikan serta program keagamaan khusus kepada golongan yang memerlukan di sekitar Kuala Lumpur.

"Sebagai permulaan, YWP telah melaksanakan program ini dengan pengisian maklumat berhubung Literasi Kewangan BSN Ringgit Dijaga Komuniti Sejahtera selama tiga jam bertempat di Perkarangan Masjid Zaid Bin Thabit kepada 35 peserta terdiri daripada penduduk sekitar Bandar Tun Razak.

"Ia diadakan bertujuan untuk membekalkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan kewangan para peserta dengan

lebih baik dan membuat keputusan kewangan yang lebih bijak.

"Dalam masa yang sama, program ini juga turut memberikan motivasi kepada 20 pelajar asnaf pilihan melalui penyerahan BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) yang merupakan produk simpanan BSN di mana pelanggan boleh menyertai Cabutan BSN SSP serta berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Wangsa Maju berkata program tersebut dilihat mampu memberi banyak manfaat kepada masyarakat khususnya kepada golongan sasaran terdiri daripada peniaga, suri rumah, asnaf dan miskin bandar.

"Kalau kita lihat di Kuala Lumpur misalnya banyak penjaja dan peniaga kecil tetapi kadangkala mereka telah menjaja lebih 10 tahun namun selepas tempoh itu pengurusan kewangannya masih sama atau mendatar. Jadi, dengan adanya kursus seperti ini, ia dapat membantu golongan sasaran untuk menstabilkan semula kewangan mereka.

"Sebelum ini juga, YWP telah melaksanakan kolaborasi program bersama Syarikat TikTok Shop

Malaysia di mana seramai 30 usahawan dalam kalangan peniaga mikro berpendapatan rendah (B40) terpilih untuk mendapat bimbingan dan perkongsian tentang pemerkasaan ekonomi jualan di platform tersebut," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata inisiatif yang digerakkan oleh YWP dan BSN ini sememangnya dapat membantu golongan sasaran untuk menguruskan kewangan dengan sebaiknya.

"Ini adalah langkah penting dan wajar diteruskan apabila BSN mengeluarkan satu kursus kemahiran untuk menguruskan kewangan terutama kepada para peniaga. Bisnes mereka mungkin maju tapi tidak tahu hendak menggali duit dengan betul.

"Selain itu, pada program ini juga, kita turut menyampaikan sumbangan bakul makanan Gerobok Kasih kepada 100 orang golongan yang memerlukan dan diharapkan ia dapat meringankan beban mereka," kata beliau.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin. **17**



PROGRAM Iftar@KL turut disertai pelancong asing.

Iftar@KL ubah persepsi masyarakat

KETUA Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), **Mohd Amran Mohd Haris** berharap persepsi masyarakat terhadap JKKN dapat diubah menerusi Program Iftar@KL yang dianjurkan pada setiap tahun.

Beliau berkata pihaknya mahu masyarakat memahami dengan lebih jelas peranan termasuk elemen kebudayaan dan kesenian yang diterapkan oleh jabatan berkenaan.

"Sepanjang 12 kali penganjuran Iftar@KL ini, kami masih bermatlamat yang sama iaitu memakmurkan Ramadan sebagai bulan ibadah serta mengeratkan silaturahmi antara kaum.

"Namun, kami juga ingin mengalih pandangan masyarakat terhadap JKKN di mana segelintirnya menganggap kami hanya sebagai insitituti tari-menari, jadi kami ingin menerangkan bahawa elemen kebudayaan itu sebenarnya adalah meluas.

"Dalam Iftar@KL ini juga, kalau kita lihat apa yang ingin diterapkan sebenarnya adalah nilai-nilai murni dan jati diri kepada masyarakat khususnya generasi

muda melalui aktiviti gotongroyong dan program sukarelawan.

"Mungkin bagi sesetengah orang Iftar@KL ini hanya acara terbuka sahaja namun di sebaliknya, kami ingin menghidupkan

kembali semangat kesukarelawanan dalam kalangan anak muda khususnya pelajar sekolah, universiti dan belia, ini yang kami mahukan," katanya.

Mengulas mengenai Iftar@KL 2024, Mohd Amran berkata edisi

ke-12 membawa kelainan dengan menerapkan elemen kebudayaan dan tradisi Islam iaitu konsep makan dalam dulang.

"Biasanya pada setiap tahun, kami memberikan makanan kepada pengunjung secara *lunch box* tapi tahun ini kami cuba menerapkan kembali konsep empat orang makan sedulang yang mana ia merupakan sunnah Rasulullah SAW.

"Alhamdulillah, pada hari pertama, sebanyak 30 dulang disediakan untuk pelajar-pelajar tahfiz dan dalam masa yang sama kami juga turut bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menganjurkan Program Al-Quran Exchange," ujar beliau. **17**



MOHD AMRAN

Ganjaran menarik menanti pengunjung Suria KLCC

DIANA AMIR

BERSEMPENA perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, orang ramai berpeluang memenangi ganjaran menarik yang ditawarkan Pusat Beli-Belah Suria KLCC.

Suria KLCC dalam satu kenyataan menjelaskan pihaknya membawakan Kempen Hari Raya yang berlangsung selama 38 hari bermula dari 15 Mac sehingga 21 April.

"Pembeli yang berbelanja RM1,500 ke atas dalam dua resit dari 15 Mac hingga 14 April akan menerima e-Baucar Beli-Belah Suria KLCC bernilai RM100 serta satu set sampel Hari Raya eksklusif Suria KLCC.

"Selain ganjaran tersebut, 50 pembeli pertama yang membeli e-Baucar Beli-Belah Suria KLCC bernilai RM1,000 akan menerima tambahan e-Baucar bernilai RM100.

"Rumah kampung tradisional dengan tata landskap yang menggamit nostalgia turut menghiasi ruang legar kami di mana pengunjung juga berpeluang mencuba permainan tradisional.

"Para pengunjung juga berpeluang merakam detik berharga di sudut *photobooth* dan akan menerima cetakan fizikal serta salinan dalam talian secara percuma," katanya.

Dalam pada itu, Suria KLCC berkata melalui kerjasama

dengan Kraftangan Malaysia, pelbagai aktiviti menarik seperti Demonstrasi Kraf dan Sesi Interaktif Kraf bakal berlangsung di laman Centre Court.

"Jualan kraf tempatan turut diadakan di aras 1, Ramlee Mall bermula dari 15 Mac sehingga 7 April.

"Seiring dengan komitmen Suria KLCC dalam memperjuangkan Kesedaran Kesihatan Mental, para pengunjung yang mengambil bahagian di dalam aktiviti tersenarai berpeluang membeli Suria Ribbon Pin (RM10) dan akan menerima pelitup muka batik eksklusif. Kesemua hasil penjualan akan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) terpilih," jelasnya. **17**



LAMPU pelita setinggi 60 kaki menghiasi laman Esplanade KLCC.

Tangani ancaman siber

CCoE berpotensi jadi hab keselamatan



ANWAR ketika merasmikan majlis pelancaran CCoE.

AZLAN ZAMBRY

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan kerjasama yang dirintis Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber Malaysia (CCoE) bersama syarikat perisian Kanada, BlackBerry Ltd berpotensi menjadi tarikan antarabangsa dalam usaha menangani ancaman siber.

Anwar berkata pusat yang bakal menghimpunkan kepakaran di dalam bidang tersebut bakal mewujudkan ekosistem keselamatan siber yang teguh, yang memerlukan perkongsian kukuh merentas sektor awam dan swasta.

“Ke arah persekitaran digital yang lebih selamat, kami boleh bekerjasama untuk membangunkan rancangan yang menggalakkan perkongsian maklumat dan pertukaran kepakaran antara agensi kerajaan, dan pihak berkepentingan lain termasuk berkongsi perisian ancaman yang boleh diambil tindakan,” katanya ketika berucap pada

majlis pelancaran CCoE dengan kerjasama BlackBerry di Cyberjaya pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Promosi Eksport, Perdagangan Antarabangsa dan Pembangunan Ekonomi Canada, Mary Ng; Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohd Fauzi Isa dan Pesuruhjaya Tinggi Canada ke Malaysia, Wayne Robson.

Turut hadir Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki; Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Datuk Raja Nurshirwan Zainal Abidin; Timbalan Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor General (DIG) Datuk Seri Ayub Khan Mydin Pitchay; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Salim Fatih Din dan Ketua Pegawai Eksekutif BlackBerry LTD, John J. Giamatteo.

Katanya, Malaysia memuji BlackBerry kerana membantu meningkatkan kemahiran pakar

pertahanan siber generasi sekali gus mempercepatkan matlamat untuk memperkukuh keselamatan dan inovasi negara dan serantau.

“Malaysia kekurangan 12,000 profesional keselamatan siber. Kami memerlukan 25,000 pekerja dalam keselamatan siber menjelang 2025,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan membayangkan penubuhan pusat ini sebagai hab pembinaan kapasiti untuk rantau Asia Tenggara, dengan tumpuan khusus untuk meningkatkan perkongsian risikan ancaman, dan memupuk kerjasama serantau dalam mengurangkan ancaman keselamatan siber dan memerangi jenayah siber.

“Sebagai lokasi yang dipilih untuk penubuhan CCoE, Malaysia berhasrat untuk mencapai matlamat bersama kami untuk mewujudkan ekosistem kemahiran dan pembelajaran yang berdaya saing global di rantau Indo-Pasifik.

“Selain itu, ia juga dapat menjalin perkongsian antarabangsa, khususnya yang

memanfaatkan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin, mengambil kira kepentingan dalam pertumbuhan positif trajektori ekonomi kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata, melalui kerjasama strategik ini, Malaysia bukan sahaja merangsang kemajuan dan kemakmuran ekonomi tetapi juga meningkatkan daya tahan infrastruktur keselamatan siber terhadap risiko yang melanda landskap digital dengan memastikan data negara, perbualan dan rakyat selamat.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah berusaha tanpa mengenal penat lelah untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang mencatatkan peningkatan RM329.5 bilion pada 2023 iaitu paras tertinggi pernah direkodkan, yang memberi petanda baik untuk 2024 dengan mencerminkan keyakinan pelabur yang semakin meningkat di Malaysia.

“Usaha ini akhirnya akan mewujudkan peluang pekerjaan

bernilai tinggi kepada rakyat, seiring dengan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

“Di bawah rangka kerja ini, kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan perusahaan dan perkhidmatan untuk meningkatkan produktiviti mereka dengan ketara serta mengembangkan kecekapan keselamatan siber Malaysia dalam domain digital,” katanya.

Sementara itu, Mary Ng dalam ucapannya menyifatkan perjanjian yang dimetrai bersama Malaysia menandakan keutuhan kepimpinan negara tersebut dalam aspek keselamatan siber serantau khususnya di Indo-Pasifik.

Dengan menggunakan BlackBerry yang mempunyai teknologi berkelas dunia berkupayaan untuk meningkatkan keselamatan siber dan pada masa sama menentang ancaman berasaskan siber dari luar. 🇲🇾



Barangan asas mencukupi menjelang Aidilfitri

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Labuan memberi jaminan bahawa bekalan barangan asas mencukupi menjelang sambutan Aidilfitri.

Pengarahnya, **Junaidah Arbain** berkata berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan, pihaknya mendapati situasi bekalan terutamanya barang kawalan adalah mencukupi.

"Menerusi maklumat dan pemeriksaan, jumlah bekalan gula pasir kasar yang ada di dalam simpanan adalah sebanyak 167

metrik tan (mt).

"Manakala jumlah bekalan Gula Premium / Better White adalah sebanyak 199 mt. Jumlah keseluruhan bekalan yang berada di pasaran sekitar Labuan adalah sebanyak 366 mt," katanya kepada Wilayahku.

Menjelang lanjut, Junaidah memaklumkan hasil pemantauan ke atas minyak masak mendapati bekalan itu mudah diperolehi

dalam pasar raya dan kedai-kedai runcit di pulau ini.

"Bagi minyak masak, jumlah bekalan minyak masak paket 1 kilogram (kg) adalah sebanyak 41

mt. Manakala bagi minyak masak botol pula terdapat di mana-mana pasar raya mahu pun kedai runcit," katanya.

Selain gula dan minyak masak, bekalan tepung gandum, ayam dan telur ayam juga dijangka tidak berdepan masalah disebabkan bekalan masih dapat menampung permintaan menjelang perayaan.

"Secara keseluruhan, kedudukan bekalan barang keperluan asas seperti gula, minyak masak, tepung gandum, ayam dan telur ayam adalah mencukupi bagi pasaran di sekitar Labuan.

"Oleh itu, pengguna diingatkan agar tidak membuat pembelian panik," katanya. 📌



JUNAIDAH



PENGUATKUASA memeriksa bekalan telur di Labuan.

Pembentung tidak mampu tampung air

Penduduk rayu selesai isu tanah mendap



KEADAAN longkang yang rosak dan tidak diselenggara menyebabkan berlaku mendapan.

KHAIRUL IDIN

PENDUDUK Kampung Belukut di sini bimbang ekoran masalah tanah mendap di jalan utama di kawasan itu dikhuatiri mengancam keselamatan penduduk di kampung dan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Belukut, **Asmadi Ahmad** berkata masalah tersebut berpunca daripada keadaan pembentung (culvert) dan saluran air di jalan itu dilihat tidak mampu menampung kuantiti aliran air hujan sejak dua tahun lalu.

Katanya, berikutan masalah

tersebut, jalan utama yang merupakan laluan keluar masuk yang digunakan penduduk di kampung berkenaan mengalami mendapan tanah dan menyebabkan lubang sedalam satu meter terbentuk di bahu kiri dan kanan jalan.

"Jika kita melihat permukaan jalan ini, ianya memang dalam keadaan yang baik dan cantik kerana tiada sebarang keretakan pada jalan ini. Namun jika dilihat dibawah pembentung (culvert) tanah di jalan ini telah pun mendap dan seperti menunggu masa sahaja untuk runtuh dan musnah.

"Perkara ini amat penting kerana ianya bukan sahaja melibatkan kemudahan dan kesejahteraan penduduk di sini tetapi ia juga satu perkara yang boleh mengancam keselamatan orang ramai khususnya penduduk kampung ini," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.



ASMADI

Asmadi memberitahu sekiranya masalah tersebut tidak diberikan perhatian secara serius untuk diatasi dengan segera dijangka puluhan buah keluarga yang menggunakan jalan ini setiap hari akan terputus hubungan sekiranya ia runtuh.

Beliau bersama-sama dengan penduduk kampung telah mengemukakan aduan dan permohonan mengenai isu tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab, namun tiada sebarang perkembangan sehingga kini.

"Susulan daripada sistem perparitan dan pembentungan yang tidak diselenggara, sebahagian rumah penduduk di kawasan tanah rata sering di tenggelami air ketika musim hujan," katanya.

Asmadi berkata pihaknya tidak mahu menuding jari kepada sesiapa namun mengharapkan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan segera sebelum perkara yang tidak diinginkan berlaku.

"Isu ini berpunca daripada perparitan dan pembentungan yang tidak sudah lama diselenggara sehingga menyebabkan ia tersumbat.

"Perkara ini telah berlanjutan lebih dua tahun dan kami berharap perkara ini dapat diberikan perhatian daripada pihak yang bertanggungjawab agar penyelesaian terhadap isu ini dapat dilakukan secepatnya," katanya.

Bagi penduduk, **Azhari Razak**, 49, menyatakan bahawa masalah dihadapi sejak tahun 2021 menjadi lebih teruk bermula tahun lalu apabila rumah yang diduduki serta sepuluh buah rumah lain dinaiki air.

"Pada mulanya air hanya

bertakung di jalan raya tetapi kini kami terpaksa membersihkan lantai dalam rumah selepas air naik sehingga paras buku lali selain menyebabkan perabot rosak dan terpaksa dibuang.

"Kerana keadaan longkang yang kecil dan tidak diselenggara apabila waktu hujan, ia mengakibatkan kawasan rumah saya dan beberapa rumah di kawasan tanah rata ini di tenggelami air dan inilah punca kenapa tanah mendap berlaku.

"Kita amat berharap pihak berwajib mengambil tindakan sewajarnya seperti membesarkan longkang di hadapan taman ini supaya air dapat mengalir ketika hujan lebat," katanya.

Sementara itu, **Kadir Yusof**, 64, menggesa pihak berkuasa untuk menyelenggara longkang secara berkala di samping membesarkan dan melebarkan lagi supaya ia dapat menampung aliran air hujan berikutan keadaan kawasan kampung ini yang berbukit.

Mengakui tidak tidur lena setiap kali waktu hujan lebat terutama pada waktu malam, Kadir berkata masalah longkang yang tersumbat telah menyebabkan kawasan tersebut sering dinaiki air.

"Selama kami di sini dan menghadapi isu ini, saya akui tidak boleh tidur apabila waktu hujan terutama pada waktu malam kerana kluatir limpahan air longkang masuk ke dalam rumah," katanya. 📌



AZHARI



KADIR



SELAIN Bazar Ramadan Presint 3, terdapat empat lagi lokasi bazar di Putrajaya yang boleh dikunjungi warga setempat mahupun luar.

Harga juadah mahal

Kuasa memilih di tangan pembeli

SABRINA SABRE

SEJAK awal Ramadan, ramai yang mengeluh dan berkongsi rasa tidak puas hati di media sosial dengan mendakwa juadah di bazar-bazar Ramadan seluruh negara dijual pada harga tidak masuk akal.

Bukan itu sahaja, ia termasuklah sikap sambil lewa penjaja yang menjual makanan di mana saiz dan kualitinya tidak sepadan dengan harga selain terdapat juga juadah yang telah rosak.

Hasil tinjauan *Wilayahku* mendapati makanan serta minuman yang dijual di Bazar Ramadan Presint 3 Putrajaya mengalami peningkatan harga berbanding tahun lalu dipercayai berikutan kenaikan kos bahan mentah.

Menurut peniaga Nasi Daging Ayaq Asam Pajak Song, **Roslina Nawawi**, 53, kebanyakan pelanggan tidak kisah sekiranya apa yang ditawarkan itu setanding dengan harga meskipun ia mengalami kenaikan.

"Alhamdulillah sambutan yang diterima memberangsangkan, dari segi harga kami ada naikkan sedikit iaitu sebanyak RM2 ke RM5 pada tahun ini bergantung kepada menu tambahan yang diminta oleh pelanggan. Bagi saya sekiranya peniaga naikkan harga, mereka perlu membuat penambahan dan pembaharuan dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti makanan yang dijual sebagai daya tarikan.

"Saya tidak boleh letak hidangan sama macam dulu, *portion* nasi pun kami dah lebihkan sebab kita pun faham akan ekonomi. Sebagai contoh, tahun ini kita pelbagaikan dengan menambah papadom, salad, gajus. Sebelum ini hanya nasi, daging dan kuah asam semata," ujarnya.

Selain itu, bagi **Fairuz Nordin**, 39, dia juga terpaksa menaikkan harga jualannya disebabkan mahu menampung modal di atas kenaikan harga bahan mentah.

"Walaupun harga meningkat, pengguna masih boleh membeli kerana harga yang ditawarkan masih berpatutan. Kuasa membeli itu ada di tangan pembeli jadi bagi saya ia tidak menjadi satu masalah. Tahun ini pun makin ramai yang membeli daripada menjual. Pelanggan yang diterima pada setiap hari juga ramai," ujarnya.

Bukan pembeli sahaja yang mengeluh dengan kenaikan tersebut tetapi penjual air balang itu mengakui perniagaannya sedikit terganggu. Oleh itu, dia tidak ada pilihan lain kecuali terpaksa menaikkan harga airnya.

"Dulu kami jual RM3 sahaja, tetapi tahun ini kami memang tak dapat jual dengan harga tersebut. Bukan sengaja naikkan harga tetapi saya perlu ambil kira juga harga bahan mentah yang akan terus meningkat menjelang Aidilfitri," ujar peniaga Air Kelapa Seri Wilayah itu.

Berbeza pandangan, peniaga martabak, **Ady Mat Husin**, 38, berkata kepuasan pelanggan menjadi keutamaannya tambahan pula berniaga di bazar hanya setahun sekali.

"Tindakan menaikkan harga jualan dilihat akan menyusahkan pembeli yang turut terkesan dengan faktor ekonomi semasa. Saya masih kekalkan harga RM4 kerana fikirkan semua pihak terkesan tahun ini dengan pembukaan sekolah, persiapan raya dan sebagainya. Dengan harga rendah, pelanggan boleh berbelanja untuk juadah lain.

"Pada setiap hari kami akan membuat martabak sebanyak 1,000 biji, dalam pukul 6 memang dah licin. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana walaupun tidak menaikkan harga, keuntungan yang saya terima mencecah RM4,000 setiap hari," ujarnya yang sudah berniaga selama 15 tahun di Bazar Ramadan Putrajaya.

Di samping itu, **Hairulnizam Omar**, 41, berkata sewa tapak bazar Ramadan yang ditawarkan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) berbaloi memandangkan ini merupakan kali pertama dia menyewa tapak di bazar Wilayah Persekutuan itu.

"Alhamdulillah bagi saya sewa tapak di sini berbaloi dengan keuntungan yang diterima kerana trafik pembeli pada setiap tahun terus meningkat memandangkan ia merupakan kawasan tumpuan penduduk sekitar mahupun luar Putrajaya," ujar peniaga Nasi Ayam

Perap Berempah Original Utara itu.

Dalam pada itu, menurut penjual Enjoy Air Balang, **Azween Mohd Azhar**, 26, saingan di Bazar Ramadan Putrajaya kali ini agak hebat berbanding tahun sebelumnya.

"Berbeza dengan tahun lalu, kali ini Bazar Ramadan Putrajaya Presint 3 menawarkan pelbagai juadah makanan jadi dia punya saingan tu agak kuat. Buat peniaga yang mempunyai pelanggan tetap memang senang.

"Untuk tahun ini kami masih mengekalkan harga yang sama tetapi pada masa akan datang sekiranya harga barang masih meningkat, berkemungkinan kami juga terpaksa menaikkan harga jualan.

"Harap kerajaan dapat turun pantau dan bantu kami. Dari dulu lagi bila masuk bulan puasa pembekal memang akan naikkan harga, jadi kami pun terpaksa jual mahal dan untung yang diterima sedikit apabila pembeli berkurangan," ujarnya.

Sementara itu, rata-rata peniaga berkata kawalan harga dan stok bahan mentah merupakan perkara paling utama yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan jika mahu memastikan peniaga tidak menaikkan harga jualan di bazar Ramadan.

BELI IKUT KEPERLUAN

DALAM masa sama, rentetan daripada isu harga makanan dan minuman di bazar Ramadan 'cekik

darah' sebagaimana dakwaan ramai, Roslina Che Man, 56, percaya semuanya berbalik semula pada kuasa membeli setiap anggota masyarakat.

"Penjual atau peniaga mesti mempunyai alasan tertentu untuk menaikkan harga jualan mereka. Anggap sahaja ia merupakan ujian kecil bulan Ramadan. Menteri-menteri pun sudah keluarkan kenyataan yang mana katanya susah hendak kawal kenaikan harga barang.

"Kuasa membeli masih berada di tangan pengguna. Tetapi ada orang yang memang terpaksa membeli. Bagi saya, pengguna perlu bijak membuat keputusan di mana mereka juga mempunyai cara untuk berjimat dengan memasak sendiri di rumah," ujarnya.

Sementara itu, seorang pengguna, Muhammad Redha Safwan, 22, mendakwa tinjauannya ke Bazar Ramadan Putrajaya mendapati rata-rata harga minuman dan makanan termasuk kuih-muih naik antara 50 sen hingga RM1.50 berbanding sebelum ini.

"Kenaikan paling ketara ialah popia goreng yang dulu hanya RM2 tiga biji, sekarang RM1 sebiji. Air pun ada yang dijual RM5 secawan berbanding RM3 sebelum ini," ujarnya.

Seorang lagi pengguna, Nur Hidayah Islam, 28, berkata kenaikan harga makanan dan minuman di bazar Ramadan terbabit menyebabkan dia terpaksa mengawal selera untuk berjimat-cermat.

"Saya memang sudah menjangkakan kenaikan harga di bazar Ramadan kali ini dan sebagai pengguna, kita perlu sesuaikan diri. Beli apa yang perlu sahaja bagi mengelakkan pembaziran," ujarnya.



ROSLINA



FAIRUZ



ADY



HAIRULNIZAM



AZWEEN

SABRINA SABRE

JAGUH pecut negara, **Muhammad Azeem Mohd Fahmi** menjadikan Sukan Olimpik Paris 2024 sebagai sasaran terbesarnya tahun ini sekali gus ingin mencapai impian meraih debut pada temasya sukan berprestij dunia itu.

Penuntut Universiti Auburn di Alabama, Amerika Syarikat (AS) yang mencipta sensasi pada Kejohanan Olahraga Dunia Bawah 20 Tahun 2022 di Cali, Colombia dan Sukan Asia Hangzhou 2022 berkata keinginannya adalah untuk terus mengharumkan nama negara.

"Saya mohon agar semua peminat tanah air mendoakan saya berjaya layak ke Olimpik. Itu adalah sasaran terbesar saya tahun ini untuk terus mengharumkan nama negara dan meletakkan Malaysia di persada dunia," ujar pemenang pingat gangsa 100 meter (m) lelaki Sukan Asia Hangzhou 2022 itu.

Selain itu, atlet berusia 20 tahun itu juga merancang akan memulakan misi layak ke Paris 2024 yang dijadual berlangsung Julai ini sambil menjalani ibadah puasa.

"Selepas membuat persediaan rapi termasuk menyertai beberapa kejohanan di dalam dewan, perancangan saya adalah menumpukan perhatian kepada latihan selain menjalani ibadah puasa di perantaraan.

"Kenapa saya dan jurulatih memilih untuk bertanding pada

Sasar layak ke Olimpik Paris 2024

Azeem impi raih debut



MUHAMMAD AZEEM semakin menyinar.

bulan Ramadan kerana saya yakin kondisi badan masih dalam keadaan yang terbaik walaupun sudah mula berpuasa untuk beberapa hari.

"Sekarang saya ada baki lebih kurang enam hingga lapan kejohanan untuk cuba melayakkan

diri ke Sukan Olimpik Paris, baik melalui merit ranking dunia atau *standard qualifying marks* iaitu 10 saat (s)," ujarnya.

Cabaran Muhammad Azeem pada kejohanan di Atlanta ialah merakam masa di bawah 10.20s

yang tidak begitu jauh daripada catatan musim terbaiknya tahun lepas iaitu 10.11s dan rekod kebangsaan miliknya 10.09s yang dilakukan pada Kejohanan Olahraga Dunia Bawah 20 Tahun 2022.

Pencapaian Muhammad Azeem

2024 - Yellow Jacket Invitational - Emas, tempat ketiga

2023 - Sukan Asia Hangzhou 2022 - Emas

2023 - Kejohanan Olahraga Asia - Tempat kelima

Sebagai rekod, atlet kelahiran Teluk Intan, Perak itu menduduki tempat kelima dalam final 100m Kejohanan Olahraga Asia 2023 di Bangkok, Thailand dengan catatan 10.25s dan mara sehingga pusingan pertama 100m Kejohanan Olahraga Dunia 2023 di Budapest, Hungary.

Februari lalu, Muhammad Azeem merekodkan 6.55s dalam acara 60m pada sebuah kejohanan di dalam dewan di Clemson Indoor Track & Field Complex, South Carolina.

Atlet muda itu turut memulakan musim baharu dengan bergaya selepas merangkul satu emas dan satu gangsa di Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Di samping itu, pada kejohanan Yellow Jacket Invitational di Georgia Tech, pemegang rekod kebangsaan yang mewakili Universiti Auburn, Alabama itu menduduki tempat ketiga dalam acara 100m lelaki selepas mencatatkan masa 10.38s.

Fokus pembangunan sukan

BEKAS Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), **Datuk Ahmad Shapawi Ismail** mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan sukan selepas menolak menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026.

Beliau berpandangan pembangunan sukan secara peringkat dalaman dilihat lebih mustahak dalam memastikan Malaysia tidak ketandusan atlet-atlet berbakat.

"Masalah ketidakcukupan penyertaan atlet sehingga sesuatu acara dibatalkan ketika penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) adalah perkara yang perlu diberi perhatian.

"Ketika ini kita perlu memastikan pembangunan atlet dapat dilakukan dengan lebih agresif dan seimbang di antara negeri.

"Ini supaya kesinambungan dalam aspek penghasilan atlet yang akan meningkatkan persekitaran kompetitif tempatan dalam menghasilkan bakat-bakat baharu," ujar beliau.

Dalam masa sama, Ahmad Shapawi berkata masalah kekurangan atlet di peringkat SUKMA merupakan perkara serius yang memerlukan pendekatan bersepadu pemegang taruh di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi serta kerajaan negeri.



KONFEDERASI Hoki Malaysia (KHM) perlu menyusun semula program pembangunan bagi mencari bakat baharu.

"Sepatutnya setiap negeri telah pun mempunyai Sekolah Sukan Negeri yang setaraf dengan Sekolah Sukan Malaysia. Badan-badan sukan negeri yang lemah akan merencatkan pembangunan atlet di peringkat akar umbi ini," ujarnya.

Terdahulu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengumumkan Malaysia menolak tawaran menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026 selepas mesyuarat Jemaah Menteri meneliti semua aspek penganjuran dan implikasinya.

Menurut KBS, impak ekonomi daripada penganjuran temasya

sukan itu tidak dapat dikenal pasti dalam jangka masa singkat selain Kerajaan MADANI mahu memberi fokus kepada pembangunan sukan serta kebajikan dan kesejahteraan rakyat buat masa ini.

Sebelum ini, Majlis Olimpik Malaysia (MOM) mengesahkan Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) menawarkan peluang kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah bersama pelaburan kewangan menjangkau GBP100 juta (RM603 juta) bagi menggantikan Victoria, Australia yang menarik diri tahun lepas.

Malaysia perlu waspada

SKUAD badminton negara perlu berwaspada berdepan laluan rumit pada saingan Piala Thomas 2024 selepas diundi dalam kumpulan sama dengan jaguh Eropah dan juara edisi 2016, Denmark yang akan berlangsung di Chengdu, China pada 28 April hingga 5 Mei ini.

Menerusi undian secara maya yang dijalankan di China itu, Malaysia diletakkan dalam Kumpulan D bersama Hong Kong (pilihan ke-12) dan Algeria.

Laluan itu dilihat sedikit 'berliku' buat pasukan negara selaku pilihan kelima kejohanan apabila pilihan kedua Denmark dan Hong Kong mempunyai pemain perseorangan yang mungkin 'mengganas' ketika beraksi pada kejohanan berkenaan.

Sementara itu, saingan Kumpulan A menyaksikan pilihan pertama China selaku tuan rumah dan juara edisi 2018 diletakkan bersama Korea Selatan, Kanada dan Australia.

Bagi Kumpulan B pula mempamerkan peluang seimbang untuk kesemua pasukan

dengan Jepun selaku pilihan keempat kejohanan diundi bersama Taiwan, Jerman dan Republik Czech.

Dalam pada itu, Indonesia, juara 14 kali serta pilihan ketiga kejohanan berdepan laluan sukar apabila diundi bersama juara bertahan, India, Thailand dan England.

Bagi saingan Piala Uber, skuad wanita negara yang merupakan pilihan ke-10 kejohanan terpaksa mengharungi laluan sukar dalam Kumpulan B apabila diletakkan bersama-sama pilihan keempat kejohanan Thailand, Taiwan (pilihan keenam) dan Australia.

Pasukan China yang merupakan pilihan pertama kejohanan diundi dalam Kumpulan A bersama India, Kanada dan Singapura.

Jepun, Indonesia, Hong Kong dan Uganda bakal berentap dalam Kumpulan C manakala juara bertahan Korea Selatan, Denmark, Amerika Syarikat dan Mexico diundi dalam Kumpulan D.



Bapa jadi rujukan Mia Sara

PELAKON Mia Sara Shauki, 25, mengaku menyimpan impian untuk berjaya seperti ayahnya, Datuk Afdlin Shauki.

Bagi Mia atau nama sebenarnya Mia Sara, walaupun dia dan ayahnya dari zaman yang berbeza, namun itu tidak menghalang untuk dirinya berjaya dalam bidang seni.

"Saya memang ada cita-cita nak berjaya macam ayah saya. Walaupun cara atau perjalanan saya dalam industri berbeza dengan ayah, tapi saya mahu jadi seperti nya."

"Cara berbeza yang saya maksudkan, dulu tak ada Internet dan media sosial, jadi beliau bekerja keras untuk jadi Afdlin Shauki. Sekarang saya berada dalam zaman teknologi baharu. Cara untuk membina *network* sudah tentu berbeza dengan dulu. Jadi secara tak langsung, cara kami menapak dan membina kerjaya lakonan juga berbeza."

"Mungkin saya tak boleh 100 peratus nak berjaya macam ayah. Zaman pun sudah berbeza. Namun dia banyak bagi nasihat dan sangat membantu kerjaya lakonan saya," ujarnya tidak kisah apabila bakatnya dibanding-bandingkan dengan bapanya.


Tambahnya bukan mudah mendapat 'restu' Afdlin untuk menjadi pelakon malah setelah dua tahun baharulah bapanya memberi kebenaran untuknya serius dalam bidang lakonan.


"Dulu sebelum saya mula berlakon, ayah kurang setuju dan ada beri nasihat kerana dia tahu baik buruk dalam industri antaranya sebagai pelakon bukan mudah untuk hidup selesa dan kena bekerja kuat."

"Selain itu, nasihat yang saya pegang adalah jangan ambil hati dengan lakonan sendiri. Maksudnya jangan selalu fikir apa yang orang fikir pasal kita. Lagi pun kita berlakon dengan membawa watak orang lain dan bukannya diri sendiri."

"Apapun saya buktikan padanya boleh lakukan. Jadi, selepas dua tahun dalam industri baru dia reda dan terima jalan yang saya pilih," ujarnya yang menjadikan bapanya sebagai rujukan utama.

Membawa watak sebagai Melati dalam filem *Geng Kubur* yang bakal ditayangkan pada 25 April ini, Mia mengakui seronok sepanjang terlibat dalam penggambaran filem tersebut.

"Melati merupakan satu-satunya perempuan dalam sekumpulan remaja yang sangat obses terhadap karakter hantu. Dia dan rakan-rakannya suka melepak di kubur dan bercerita kisah hantu," ujarnya tidak sabar menantikan reaksi peminat terhadap filem tersebut. 



SEBAHAGIAN anak yatim yang diraikan Aerial baru-baru ini.

Aerial sayu kenang anak yatim

PELAKON dan usahawan popular, **Aerial Zafrel** sentiasa yakin dengan amalan bersedekah kerana ia merupakan antara faktor kehidupan dan perniagaannya berjalan lancar.

Malah setiap kali tibanya Ramadan, dia dan isterinya, Wawa Zainal menerusi Wawa Cosmetics akan menganjurkan Majlis Raikan Ramadan bersama anak-anak yatim dan pelajar tahfiz.

Baru-baru ini, Aerial memperuntukkan bajet yang agak besar untuk meraikan Pertubuhan Warisan Suci dan Pusat Jagaan Rumah Bakti Nur Ain Bangi serta pelajar-pelajar tahfiz dari Pertubuhan Kebajikan Pendidikan dan Kesihatan Nur Nasari.

"Saya yakin apabila lebih memberi atau bersedekah terutamanya yang memerlukan, insya-Allah rezeki lebih murah dan dipermudahkan segala urusan. Saya yakin dengan amalan sedekah."

"Biasanya doa-doa mereka ini tak ada hijab. Kami mengharapkan doa terus diberikan kesihatan

serta bisnes makin berkembang," katanya pada Majlis Indahnya Ramadan bersama Wawa serentak pelancaran rangkaian produk baharu Wawa Cosmetics, Love Your Skin.

Aerial juga meluahkan dirinya memahami perasaan anak yatim sejak berumur 17 tahun. Jadi, saya tahu bagaimana perasaan apabila tak ada orang tua. Hidup rasa serba kekurangan. Bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga kasih sayang.

"Sekarang umur sudah 36 tahun. Waktu saya jadi anak yatim itu lagi panjang sebenarnya. Kadang-kadang nak balik kampung (Johor) dah tak ada perasaan, sebab orang tua dah tak ada."


"Alhamdulillah, mak ayah Wawa tinggal bersama kami. Jadi kemeriahan tu macam biasa seperti keluarga lain juga. Mungkin kalau jadi beraya di luar negara pun, saja nak berubah angin," ujarnya.

Sementara itu, Wawa juga sempat menjelaskan isu memilih madu kepada Marissa Dania, Misya

Mazlan sebagai duta tudung syarikatnya.

"Sebenarnya kerjasama ini secara kebetulan berlangsung selepas kontroversi membabitkan mereka bertiga sedang hangat diperkatakan masyarakat."

"Sejujurnya kami sudah buat perjanjian dengan Misya agak lama dulu, jadi kalau anggapan kami 'tanggung' kontroversi yang berlaku sebagai strategi pemasaran, itu tidak benar," jelsnya.

Terdahulu, sekitar Februari lalu, Wawa melantik Misya sebagai wajah koleksi tudung terbaru jenama Wawa Scarves selama tiga bulan. Pemilihan tersebut meraih pujian ramai memandangkan ketika itu Misya berdepan situasi sukar apabila pernikahan rahsia suaminya, Aslam dan Marissa di Songkhla, Thailand terbongkar. 



Hal rumah tangga simpan berdua

EMPAT bulan melayari alam rumah tangga, penyanyi **Nabila Razali** mengaku tidak semua perkara dalam kehidupannya dikongsi kerana lebih selesa meletakkan had untuk mempamerkan kebahagiaan.

Menurut Nabila, apa yang dimahukan suami menjadi keutamaan baginya terutama apabila berkongsi gambar atau status dalam media sosial.

"Kadang-kadang, ada video yang sudah dirakam dan suami tanya, hendak muat naik di mana. Apabila saya beritahu hendak kongsi di *TikTok*, suami tengok dahulu. Kalau suami beritahu okey, baru saya muat naik."

"Suami berpesan, kalau hal rumah tangga, simpan untuk kami berdua sahaja," katanya yang mendirikan rumah tangga dengan jejaka pilihan hati, Nik Iruwan Nik Izani pada 18 November tahun lalu.

Dalam masa sama, Nabila juga memberitahu dirinya sudah mula dihujani pelbagai soalan tentang

zuriat namun dia lebih bersikap terbuka kerana soalan sebegini sudah lazim dalam kehidupan bermasyarakat.

"Kalau Dia kata sudah tiba masanya, tibalah. Kalau ada yang bertanya, jawapan saya sama, kalau ada rezeki, adalah. Kalau tiada, hendak buat macam mana. Kita terus usaha sebab saya tidak letak sasaran bila hendak berbadan dua."

"Sekarang, saya buat banyak perkara. Mungkin Tuhan kata, kerja dahulu... Saya pun tak tahu. Semoga soal ini (zuriat), dipermudahkan... Insha-Allah," katanya ditemui pada Majlis Pelancaran Single Raya Mana? di Pusat Beli-Belah Aeon Mall Shah Alam, baru-baru ini.

Berkongsi pengalaman pertama kali berpuasa bersama suami, Nabila bersyukur dikurniakan suami yang tidak cerewet.

"Saya memang gementar dan hari pertama berpuasa saya mula masak pukul 2 pagi sebab risau tak sempat nak masak dan terlajak

tidur. Selepas selesai memasak, kami bersahur sekitar pukul 3 hingga 4 pagi."

"Suami juga tidak cerewet. Kami selalu makan lewat malam (moreh) dan dia (suami) senang je, bersahur dengan kurma sahaja. Tapi saya sebagai isteri mestilah rasa nak masak untuk suami," ujarnya. 





Amalan pasang pelita sempena malam tujuh likur Kepercayaan karut bawa perbuatan khurafat

HAZIRAH HALIM

MENJELANG 10 malam terakhir di bulan Ramadan merupakan waktu yang menjanjikan malam lebih baik daripada seribu bulan di mana pada saat inilah umat Islam berlumba-lumba mempertingkatkan ibadah demi merebut keistimewaan malam Lailatul Qadar.

Dalam mengejar ibadah, pada setiap 27 Ramadan ini umat Islam khususnya di Malaysia juga tidak ketinggalan menghidupkan semula tradisi zaman-berzaman iaitu malam tujuh likur dengan memasang pelita di sekitar kawasan rumah dan kejiranan.

Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang percaya bahawa pemasangan pelita tersebut bertujuan untuk memudahkan malaikat masuk ke dalam rumah atau sebagai penunjuk jalan kepada roh si mati untuk pulang ke rumah.

Mengulas lanjut berkenaan perkara tersebut, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, **Jamali Mohd Adnan** berkata perbuatan memasang pelita itu seharusnya tidak dikaitkan dengan kepercayaan tersebut sebaliknya ia hanyalah bertujuan untuk memeriahkan suasana 10 malam terakhir bagi menyambut hari raya yang bakal menjelang tiba.

"Malam tujuh likur ini telah

berlaku sejak zaman-berzaman namun tidak dinafikan terdapat segelintirnya yang masih percaya bahawa memasang pelita ini berkait dengan menunjukkan jalan kepada malaikat dan roh si mati untuk menuju ke rumah.

"Kepercayaan ini tidak ada asasnya dalam agama Islam dan sememangnya ia adalah kisah dan kepercayaan karut yang telah direka. Jika terdapat mana-mana individu yang percaya akan perkara ini, kita bimbang ia akan merosakkan akidah," katanya.

Beliau berkata amalan malam tujuh likur yang berkait dengan menghidupkan dan meningkatkan amal ibadah serta memasang pelita adalah dibolehkan selagi berkait dalam kerangka memeriahkan 10 malam terakhir atau persediaan menyambut ketibaan Aidilfitri.

"Malam tujuh likur merupakan adat kepercayaan masyarakat Melayu dan secara tradisinya ia adalah untuk memeriahkan persiapan raya dengan menyalakan pelita di sepanjang jalan perumahan, menyerikan suasana bersama jiran tetangga melalui aktiviti gotong-royong di samping kanak-kanak bermain bunga api.

"Selagi mana ia tidak berkait dengan kepercayaan karut dan bertujuan untuk memeriahkan suasana, ia dibolehkan namun jika ia bertentangan dengan

Islam, bimbang kepercayaan itu boleh membawa seseorang kepada perbuatan khurafat atau menyirikkan Allah dan perbuatan tersebut harus ditinggalkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengambil kesempatan menyeru umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan untuk bersama-sama mengimarahkan bulan Ramadan yang berbaki beberapa hari sahaja lagi dengan melaksanakan pelbagai amalan kebaikan termasuk ibadah yang dapat menggandakan pahala.

"Rebutlah peluang di bulan Ramadan ini untuk memperbaiki tingkah laku serta amal ibadah misalnya solat berjemaah dan tarawih di masjid atau surau selain membaca tadarus Al-Quran dan Qiamulail.

"Dalam masa yang sama, kita juga perbanyakkan sedekah dengan memberi makan kepada orang yang berpuasa serta di samping mendoakan saudara yang sedang diuji di Gaza agar terus dikurniakan kesabaran dan kemenangan.

"Insya-Allah apabila semua perkara ini dapat dilaksanakan, Allah akan memberikan sebuah hadiah iaitu takwa di mana kita sentiasa melakukan perkara yang baik dan tinggalkan perkara yang dilarang," ujar beliau.

Jadikan tadarus rutin harian

PERISTIWA Nuzul Quran yang berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan bersamaan tanggal 6 Ogos tahun 610 Masihi ketika Nabi Muhammad SAW sedang beribadat di Gua Hira adalah detik penting turunnya ayat pertama Al-Quran kepada baginda Rasulullah.

Nuzul perkataan bahasa Arab bermaksud turun dan lima ayat Surah al-Alaq diturunkan oleh Allah SWT kepada baginda Rasulullah melalui Malaikat Jibril, menekankan peri pentingnya membaca dan belajar pelbagai ilmu supaya dapat menghapuskan kejahilan dalam kalangan manusia.

Penurunan ayat Al-Quran ini kemudiannya berterusan secara berperingkat-peringkat sehingga lengkap keseluruhan 30 juzuk yang mengambil masa selama 23 tahun. Maka tidak hairanlah pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, ramai yang bertadarus Al-Quran (majlis membaca Al-Quran secara berkumpulan) termasuk di masjid dan surau.

Namun bukan semua orang mampu menghidupkannya disebabkan pelbagai kekangan termasuk tuntutan pekerjaan. Oleh itu, apakah kaedah terbaik bagi kita mencari masa dan meluangkan waktu yang ada demi terus membaca dan mentaddabur (perenungan yang menyeluruh untuk mengetahui maksud dan makna) Al-Quran?

Pengarah Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia Dr Muhammad Hafiz Saleh ketika berkongsi pandangannya berkata, umat Islam seharusnya berusaha mencuri masa yang ada untuk mula membaca kitab suci itu, berbanding hanya menunggu masa lapang yang sesuai untuk melakukannya.

Menurut beliau, seandainya

pembacaan Al-Quran itu dijadikan sebagai sesuatu yang perlu diutamakan dalam kepadatan jadual, sudah pasti Allah SWT akan membukakan jalan yang luas untuk memudahkan urusan harian yang lain.

"Mengambil hikmah serta pedoman daripada asbab penurunan Al-Quran secara berperingkat selama 23 tahun itu, kita dapat melihat betapa Rasulullah sangat bersabar ketika dibacakan ayat-ayat Al-Quran oleh Malaikat Jibril dan seterusnya sanggup pula meluangkan masa demi mengajarkannya kepada para sahabat Baginda.

"Demi menghargai jasa besar Rasulullah dan para sahabatnya, kita perlulah memanfaatkan kitab suci ini dengan menjadikannya sebagai sumber motivasi diri. Lihatlah betapa besar ujian dihadapi para nabi dan rasul terdahulu, namun semuanya tetap dihadapi dengan tenang dan penuh taqwa (ketakutan kepada Allah).

"Sama juga seperti apa yang kita lalui pada zaman sekarang, biarpun banyak liku perlu ditempuh, namun berkat ketakwaan dan yakin kepada-Nya menerusi usaha kita memperbanyakkan bacaan Al-Quran, maka pasti Allah akan tunjukkan solusi yang didambakan pada masa yang tidak disangka-sangka," jelasnya lagi.

Beliau menambah, sekiranya umat Islam mentaddabur kisah ujian Nabi Yunus yang ditelan ikan paus di tengah lautan sehingga menjadi buntu, namun berkat kesabaran dan doa tidak putus-putus kepada Allah maka Baginda akhirnya berjaya diselamatkan oleh Allah. - BERNAMA



USAHA mewujudkan geng Al-Quran mampu menjadi gelombang kebaikan.